



Jabatan Audit Negara
Malaysia



Laporan Aktiviti
Tahunan
2006
Jabatan Audit Negara



Jabatan Audit Negara
Malaysia

MS ISO 9001 : 2000



LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 2006

2	PERNYATAAN KORPORAT
4	PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA
6	PENCAPAIAN UTAMA
9	MAKLUMAT KORPORAT JABATAN
10	Perspektif
12	Carta Organisasi
13	Profil Ketua Audit Negara
14	Pengurusan Tertinggi
16	Perancangan Strategik
17	Kod Etika Juruaudit
18	Kawalan Dalaman & Mesyuarat Jabatan
19	Penglibatan Jawatankuasa

Kandungan

21	AKTIVITI UTAMA
23	Sektor Pengurusan Korporat
41	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
47	Sektor Audit Kerajaan Negeri
55	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
59	PERANAN KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI SEKTOR AWAM
65	PENGLIBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA
71	LAPORAN KHAS
72	Sambutan Perayaan 100 Tahun
73	Simposium Pengurusan Alam Sekitar
74	Hari Audit Se Malaysia
75	PERISTIWA JABATAN
81	AKTIVITI AGAMA, SOSIAL, SUKAN DAN KEBAJIKAN



Pernyataan Korporat

VISI

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan Dewan Perundangan ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi.
- Menguruskan aktiviti Audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi majikan contoh.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada standard pengauditan antarabangsa.
- Mengesahkan penyata kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan penyata kewangan tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

Pernyataan Korporat

DASAR KUALITI

Jabatan Audit Negara adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.

SLOGAN KUALITI

Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti.

BUDAYA KORPORAT

Professionalisme

Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

Kebebasan

Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957.

Kualiti

Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

Integriti

Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit.

Espirit de Corp

Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *espirit de corp* dan berinovasi.

Bertanggungjawab

Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai juruaudit atau kakitangan Jabatan.



Perutusan Ketua Audit Negara



Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Tahun 2006 menyaksikan Jabatan Audit Negara terus mempergiatkan usaha-usaha merealisasikan visi Jabatan untuk menjadi sebuah institusi terunggul di negara dalam menegakkan akauntabiliti awam menerusi program pembaharuannya. Usaha ini merangkumi pembangunan organisasi dan modal insan; penambahbaikan infrastruktur; serta pemodenan pendekatan dan metodologi audit untuk mengekalkan profesionalisme dan integriti Jabatan dalam melaksanakan mandat audit.

Tahun 2006 juga merupakan tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan pelaksanaan Misi Nasional. Perkhidmatan Awam Malaysia perlu mengambil iktibar daripada pengalaman Rancangan Malaysia Kelapan dan mengelakkan unsur-unsur pembaziran dan kelemahan kawalan pengurusan kewangan bertujuan mewujudkan ketelusan, akauntabiliti dan urus tadbir yang baik di sektor awam. Manakala dalam pentadbiran Jabatan pula, Jabatan Audit Negara patut menjadi *role model* dalam pelbagai aspek pengurusan dan sentiasa menghayati prinsip-prinsip Pelan Integriti Nasional dengan memberi lebih penekanan kepada *outcome* dan impak sesuatu program atau projek berbanding output.

Beberapa pembaharuan dan inisiatif telah diperkenalkan dalam tahun 2006. Buat julung kalinya Jabatan menerbitkan Buletin Audit sebagai satu daripada usaha untuk mewujudkan *audit presence* di kalangan auditi sepanjang tahun. Jabatan juga telah menganjurkan Konvensyen Audit Kebangsaan yang membincangkan isu berkaitan akauntabiliti

dan urus tadbir yang baik. Di samping itu, sebagai menyokong usaha Kerajaan dalam menangani isu alam sekitar, Jabatan telah menganjurkan Simposium Pengurusan Alam Sekitar. Usaha juga sedang diambil untuk memperkenalkan Indeks Akauntabiliti yang bertujuan untuk mengukur prestasi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dalam aspek pengurusan kewangan. Adalah diharapkan dengan terlaksananya sistem penarafan ini akan dapat meningkatkan urus tadbir Kerajaan. Jabatan akan terus mengambil inisiatif untuk menceburi bidang-bidang terbaru yang perlu diterokai oleh Jabatan bagi melaksanakan mandat audit dengan berkesan.

Jabatan sentiasa meningkatkan kerjasama dengan badan-badan profesional dan institusi Audit antarabangsa bagi memajukan pengauditan sektor awam di Malaysia. Pegawai Jabatan juga terlibat sebagai ahli pasukan petugas, pembentang kertas kerja dan tenaga pengajar di dalam dan luar negara berkaitan bidang pengauditan. Saya yakin pendedahan sebegini akan membantu dalam pembangunan modal insan ke arah membentuk minda kelas pertama. Di samping itu, Akademi Audit Negara juga memainkan peranan sebagai pusat latihan untuk pembangunan profesional berterusan bagi warga Audit dan auditi. Akademi Audit Negara telah diiktiraf sebagai salah satu *course provider* di bawah *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* untuk juruaudit sektor awam dari luar negara dan akan menjalankan program-program latihan antarabangsa mulai tahun 2007.

Saya amat berpuas hati dengan sokongan padu warga Audit dalam menjayakan rancangan strategik

Jabatan bagi memartabatkan peranan Jabatan dalam meningkatkan akauntabiliti awam. Sokongan ini adalah manifestasi kepada penerimaan warga Audit terhadap pembaharuan yang diperkenalkan demi kemajuan Jabatan. Saya yakin bahawa Jabatan Audit Negara yang didokong oleh modal insan yang terlatih dan berpengalaman boleh membantu secara efektif dalam usaha Kerajaan menjayakan RMK-9 dan juga memantapkan lagi sistem penyampaian Kerajaan kepada rakyat.

Saya yakin Jabatan Audit Negara akan terus berkembang seiring dengan kemajuan serta pembaharuan bagi memantapkan pengauditan sektor awam di Malaysia. Keyakinan ini berdasarkan perancangan rapi Jabatan dengan mewujudkan organisasi dan infrastruktur yang baik dan modal insan Jabatan yang mantap, berpengetahuan serta bekerja secara berpasukan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam penyediaan Laporan Aktiviti Tahunan 2006 serta semua pihak yang telah membantu dalam menjayakan mandat audit.

Selamat Maju Jaya.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.



Pencapaian Utama 2006

1. Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2005

- Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 29 Jun 2006 dan dibentangkan di Parlimen pada 1 September 2006.
- Laporan dan Sijil Audit Penyata Kewangan bagi 13 Kerajaan Negeri dikeluarkan antara 8 Jun hingga 8 Ogos 2006. Semua Laporan Ketua Audit Negara bagi 13 Kerajaan Negeri dibentangkan di Parlimen pada 5 September 2006.
- Buat julung kalinya Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dikeluarkan secara berasingan dengan Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri.

2. Pengauditan Yang Dilaksanakan Dalam Tahun 2006

Sektor Audit	Aktiviti Pengauditan Utama		
	Penyata Kewangan	Pengurusan Kewangan/Agensi	Prestasi
Kerajaan Persekutuan	1	40	40
Kerajaan Negeri	301	95	54
Badan Berkanun Persekutuan	114	22	20
Jumlah	416	157	114

3. Sambutan 100 Tahun Institusi Audit Negara

- Konvensyen Audit Kebangsaan
- Majlis Makan Malam Perdana Audit
 - Pelancaran Buku 100 Tahun Institusi Audit Negara
 - Pelancaran Setem Kenangan 100 Tahun Institusi Audit Negara


4. Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2000 bagi Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan pada 23 Februari 2006.

5. Jabatan Audit Negara buat julung kalinya telah menerbitkan Buletin Audit pada Jun 2006.

Pencapaian Utama 2006

6. Pelancaran 3 Garis Panduan Pengauditan.
 - Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Institusi Agama Islam Yang Lain.
 - Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri.
 - Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan Perhutanan.
7. Akademi Audit Negara diiktiraf sebagai *Course Provider* di bawah *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* dalam bidang berikut :
 - Pengauditan Prestasi
 - Pengauditan ICT
8. Jabatan Audit Negara telah memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2006 yang bertajuk Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Versi Audit (VersAd).
9. Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sembilan telah menjadi Juara Konvensyen KMK Peringkat Negeri Sembilan dan seterusnya bertanding di peringkat kebangsaan.
10. Pelantikan Ketua Audit Negara Malaysia sebagai ahli *Asian Organisation Of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) Governing Board* bagi tempoh 2006 hingga 2009.
11. Jabatan Audit Negara menganjurkan Simposium Pengurusan Alam Sekitar bertemakan Peranan Juruaudit Ke Arah Memantapkan Pengurusan Alam Sekitar.
12. Sambutan Hari Audit Se Malaysia pertama kali diadakan di peringkat negeri dimana Cawangan Audit Negeri Selangor menjadi tuan rumah.
13. Ketua Audit Negara buat pertama kalinya telah mengadakan perjumpaan dengan semua Ketua Unit/Setiausaha Bahagian Audit Dalam/Audit Sekolah pada 3 Mei 2006 bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pengauditan.
14. Sejumlah 71 kursus dalam bidang pengauditan, perakaunan, ICT dan pengurusan melibatkan 2,116 peserta telah dilaksanakan oleh Akademi Audit Negara.





maklumat korporat

- Perspektif
- Carta Organisasi
- Profil Ketua Audit Negara
- Pengurusan Tertinggi
- Perancangan Strategik
- Kod Etika Juruaudit
- Kawalan Dalaman & Mesyuarat Jabatan
- Penglibatan Jawatankuasa



Institusi Audit Negara telah wujud di negara ini sejak tahun 1906. Ketua Audit Negara dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

Pada Tahun 2006 Jabatan ini telah menyambut ulang tahun ke 100. Sepanjang tempoh berkenaan seramai 17 orang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara. Tahun 2006 menyaksikan perubahan pucuk pimpinan Jabatan apabila Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang dilantik sebagai Ketua Audit Negara menggantikan Y.Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil yang bersara pada 22 Februari 2006. Meskipun pemimpin silih berganti, namun mandat dan matlamat Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan sektor awam akan terus kekal.

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab Ketua Audit Negara untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan akaun Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga telah diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan Ketua Audit Negara dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Raja/Sultan/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri.

Jenis pengauditan yang dilaksanakan ialah :

- **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk mengesahkan penyata kewangan tahunan yang dikemukakan oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan bagi memenuhi keperluan undang-undang dan standard perakaunan. Melalui pengauditan ini Ketua Audit Negara akan memberi pendapat sama ada penyata yang disediakan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod-rekod perakaunan mengenainya telah diselenggara dengan teratur dan dikemaskini.
- **Pengauditan Pematuhan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.


- **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu program/aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berkesan, berekonomi serta mencapai objektif.

Selain menjalankan pengauditan sebagaimana mengikut peruntukan perundangan yang telah ditetapkan, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan/semakan berikut :

- Pengurusan kewangan sesebuah Kementerian/Jabatan bagi tujuan pengesahan jawatan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA).
- Penampilan Audit atau *Audit Presence* ke beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang tidak termasuk dalam program pengauditan pengurusan kewangan bagi sesuatu tahun. Penampilan Audit dibuat dengan memberi penekanan kepada aspek semakan kawalan dalaman dan pemeriksaan audit terhadap wang hasil/panjar.
- Bermula tahun 2003, Jabatan Audit Negara melaksanakan Program Anak Angkat bertujuan memberi bimbingan dan nasihat kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengurusan kewangan.


Untuk menjalankan kewajibannya, Ketua Audit Negara berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan. Beliau boleh memeriksa mana-mana dokumen dan boleh meminta individu-individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana pegawai menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan. Di samping itu, Ketua Audit Negara juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh Ketua Audit Negara berkaitan dengan kewajibannya adalah rahsia.

Jabatan Audit Negara sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti dalam melaksanakan tugasnya. Ini terbukti dengan penganugerahan sijil MS ISO 9001:2000 kepada Jabatan bagi pengauditan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan. Jabatan sedang dalam proses mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Jabatan juga telah menghasilkan inovasi terhadap pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana proses penyediaan Laporan dan Sijil Audit telah dapat dipercepatkan. Segala penambahbaikan dan inovasi yang dicapai adalah berkat usaha gigih Jabatan dalam memperkukuhkan akauntabiliti pengurusan awam.





Carta Organisasi



Profil Ketua Audit Negara



Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang Ketua Audit Negara Malaysia

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang dilahirkan pada 24 Mac 1949 di Kampung Bharu, Kuala Lumpur. Beliau mula menyertai Perkhidmatan Awam pada tahun 1971 selepas menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dari Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula di Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pentadbiran. Jawatan lain yang beliau sandang sepanjang tempoh berkhidmat di Kementerian ini antara tahun 1971 hingga 1979 adalah sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Setiausaha Sulit Menteri Perdagangan dan Perusahaan dan Timbalan Pengarah Bahagian Industri.

Pada tahun 1979, Tan Sri Dato' Setia Ambrin telah melanjutkan pengajian di peringkat *Master in International Business* di University of South Carolina, Amerika Syarikat. Setelah menamatkan pengajian pada tahun

1981, beliau meneruskan perkhidmatan di Kementerian Perdagangan dan Industri sebagai Timbalan Pengarah, Bahagian Industri Kecil.

Dari tahun 1982 hingga 1987, Tan Sri Dato' Setia Ambrin telah dipinjamkan ke Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM) sebagai Pengarah Pemasaran dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah LPKM. Pada tahun 1987 hingga 1991 beliau ditukarkan ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai Ketua Pusat Pentadbiran Ekonomi dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah INTAN.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin pernah berkhidmat di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun sebagai Timbalan Ketua Perwakilan (bertaraf Timbalan Duta) pada tahun 1991 hingga 1995. Sekembalinya beliau ke tanah air pada tahun 1995, Tan Sri Dato' Setia Ambrin dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan KLIA Bhd. dan bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan dan operasi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin kembali menyertai kerajaan apabila dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 1999 hingga 2001 dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran dari tahun 2001 hingga 22 Februari 2006. Pada 23 Februari 2006, Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang telah dilantik sebagai Ketua Audit Negara.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin adalah Ahli Dewan Diraja Selangor dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Multimedia Malaysia, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Terbuka Malaysia; Naib Presiden, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia dan Ahli *Multimedia Development Corporation*.

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau, Tan Sri Dato' Setia Ambrin telah dianugerahkan darjah dan bintang kebesaran berikut: Kesatria Mangku Negara (KMN), Darjah Paduka Mahkota Selangor (DPMS), Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri dan Darjah Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Dato' Setia.



Pengurusan Tertinggi



Dato' Azidah bt Haji Arshad
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Mula memegang jawatan Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) pada tahun 2001. Beliau telah berkhidmat selama 30 tahun di Jabatan Audit Negara. Berkelulusan Master in Public Financial Management dari The American University Washington DC USA dan BA (Hons) Ekonomi dan Pengurusan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau menerima anugerah Pingat Johan Mangku Negara (JMN), Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) dan Ahli Mangku Negara (AMN).

Hj. Anwari bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

Mula memegang jawatan Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) pada tahun 2006. Beliau telah berkhidmat di Jabatan Audit Negara selama 26 tahun. Berkelulusan Master of Business Administration (Management) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan B.Econ (Hons) dari Universiti Malaya. Beliau menerima anugerah Johan Setia Mahkota (JSM), Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS), Ahli Mangku Negara (AMN) dan Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC).



Pengurusan Tertinggi



Boon Jon Lin

Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan

Mula memegang jawatan Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2002. Beliau telah berkhidmat selama 30 tahun di Jabatan Audit Negara. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian dari Universiti Malaya. Beliau menerima anugerah Johan Setia Mahkota (JSM) dan Ahli Mangku Negara (AMN).

Hj. Mustapha bin Naina Maricar

Pengarah Audit Negeri Sabah

Mula memegang jawatan Pengarah Audit Negeri Sabah pada tahun 2002. Beliau telah berkhidmat selama 29 tahun di Jabatan Audit Negara. Berkelulusan Master of Business Administration (MBA) dari Eastern Illinois University, USA, Bachelor Business Administration dari Monmouth College, Illinois dan Diploma In Business Studies (DBS) dari Institut Teknologi Mara. Beliau menerima anugerah Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK) dan Ahli Mangku Negara (AMN).



Mustafa bin Hj. Saman

Pengarah Sektor Pengurusan Korporat

Mula memegang jawatan Pengarah Sektor Pengurusan Korporat pada 15 Mac 2006. Beliau telah berkhidmat selama 26 tahun di Jabatan Audit Negara. Berkelulusan Master of Business Administration dari Universiti Dubuque, Iowa, USA dan Bachelor in Economics (Hons) dari Universiti Malaya. Beliau menerima anugerah Darjah Gemilang Bintang Kenyalang – Pegawai Bintang Kenyalang Sarawak (PBK).

Hamdan bin Ahmad

Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Mula memegang jawatan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan pada tahun 2005. Beliau telah berkhidmat di Jabatan Audit Negara selama 26 tahun. Berkelulusan Master Soc. Science (Acc. & Dev. Finance) dari University of Birmingham, United Kingdom dan B. Econs (Hons) dari Universiti Malaya.



Ong Swee Leng

Pengarah Audit Negeri Sarawak

Mula memegang jawatan Pengarah Audit Negeri Sarawak pada 1 Jun 2006. Beliau telah berkhidmat selama 27 tahun di Jabatan Audit Negara. Beliau berkelulusan B.Acc (Hons) dari Universiti Malaya.



Perancangan Strategik Jabatan 2005 - 2007

SASARAN 1

Mempertingkatkan Kualiti Kerja Pengauditan

- Strategi I Jaminan Standard Kualiti Audit
- Strategi II Usaha Penambahbaikan Pendekatan Pengauditan
- Strategi III Ke Arah Kualiti Kerja Cemerlang

SASARAN 2

Meningkatkan Keupayaan Khidmat Nasihat

- Strategi I Pematuhan Terhadap Prosedur
- Strategi II Peningkatan Ilmu Dan Teknik Khidmat Nasihat

SASARAN 3

Mempertingkatkan Penguasaan ICT

- Strategi I Penstrukturan Semula Dan *Re-Engineering*

SASARAN 4

Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Sumber Manusia

- Strategi I Pengurusan Sumber Manusia Yang Berkesan
- Strategi II Menyediakan Program Latihan Berkesan

SASARAN 5

Memperteguhkan Budaya Kerja

- Strategi I Melaksanakan Prinsip Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)

SASARAN 6

Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Kewangan Jabatan

- Strategi I Meningkatkan Tahap Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Ibu Pejabat Dan Negeri

SASARAN 7

Mempertingkatkan *Delivery System*

- Strategi I Bertindak Cepat Terhadap Keperluan Auditi Tertakluk Kepada Akta Audit 1957
- Strategi II Memperbaiki Kualiti Perkhidmatan Jabatan Dan Sistem Maklumat

SASARAN 8

Mewujudkan Suasana Yang Lebih Kondusif

- Strategi I Mempertingkatkan Kualiti Tempat Kerja

Kod Etika Juruaudit

Kod Etika Juruaudit dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota Audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.





Kawalan Dalaman & Mesyuarat Jabatan

Naziran

Pasukan Naziran Jabatan Audit Negara ditubuhkan berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 bertujuan untuk memastikan kawalan dalaman Jabatan adalah mencukupi bagi mewujudkan sistem kewangan dan pentadbiran yang telus, bersih, cekap dan amanah. Pasukan Naziran membuat pemeriksaan terhadap sistem pengurusan kewangan dan pentadbiran Jabatan bagi tujuan :

- Memastikan wujud sistem kawalan dalaman pengurusan kewangan dan pentadbiran yang baik.
- Memastikan rekod kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber diselenggara serta diurus dengan lengkap dan mengikut peraturan.
- Menentukan harta modal dan inventori dikawal dan direkod dengan kemas kini serta mengikut peraturan.
- Memastikan semua pekeliling, panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Agensi Pusat dan Ibu Pejabat dipatuhi dan dilaksanakan.
- Memastikan suasana tempat kerja adalah bersih dan kondusif.

Pada tahun 2006, Pasukan Naziran telah menjalankan pengauditan di Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat, lima cawangan di bawah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Cawangan Audit Negeri Johor:

Tarikh	Bahagian/Cawangan
5-7 April 2006	Cawangan Audit Pertahanan
12-14 April 2006	Cawangan Audit Kerja Raya
9-11 Ogos 2006	Cawangan Audit Cukai Pendapatan
16-18 Ogos 2006	Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani
23 Mei – 23 Jun 2006	Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat, JAN
6-8 Disember 2006	Cawangan Audit Wilayah Persekutuan Labuan
18-22 Disember 2006	Cawangan Audit Negeri Johor

Mesyuarat Jabatan

Jabatan Audit Negara telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan dan Jawatankuasa setiap bulan atau secara berkala sebagaimana ditetapkan. Ia adalah untuk memastikan semua Rancangan Tahunan Jabatan dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif seperti yang dirancang serta untuk memantapkan lagi pengurusan Jabatan.

Mesyuarat	Bilangan
Mesyuarat Pengurusan	13
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun	4
Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan	3
Mesyuarat Jawatankuasa Standard Pengauditan & Perakaunan	4
Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	3

Penglibatan Di Peringkat Jawatankuasa Persekutuan Dan Negeri

Jawatankuasa yang dianggotai di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- Majlis Tindakan Negara
- Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan
- Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Jawatankuasa Pemandu Kerajaan Elektronik
- Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri
- Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia
- Panel Anugerah Kualiti Perdana Menteri - MAMPU
- Jawatankuasa Kerja Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan
- Majlis Bersama Jabatan, JPM
- Lembaga Penilaian Kompetensi JPM
- Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT)
- Jawatankuasa Pemandu *Standard Accounting Systems for Government Agencies* (SAGA)

Jawatankuasa yang dianggotai di peringkat Negeri adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Pembangunan Negeri
- Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan Sarawak
- Jawatankuasa Integriti Kerajaan Negeri
- Jawatankuasa IT Dan Internet Kerajaan
- Jawatankuasa Pengaduan Awam Negeri
- Jawatankuasa Tetap Kewangan Dan Belanjawan Kerajaan Negeri








aktiviti utama

- Sektor Pengurusan Korporat
 - Akademi Audit Negara
- Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
- Sektor Audit Kerajaan Negeri
- Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan



sektor pengurusan korporat



PENGENALAN

Sektor Pengurusan Korporat merupakan sektor sokongan kepada Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Sektor Pengurusan Korporat terdiri daripada Bahagian Pengurusan, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK), Bahagian Penyelidikan, Akademi Audit Negara (AAN), Cawangan Penyelarasan dan Pengurusan Maklumat dan Cawangan Khidmat Nasihat Teknikal.

Sektor Pengurusan Korporat memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- Mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan sokongan kepada setiap sektor;
- Kepimpinan yang berkesan bagi menyokong kejayaan Jabatan dan pekerja;
- Mengekal dan membangunkan keupayaan sumber manusia untuk mencapai pembangunan professional yang berterusan;
- Meningkatkan keupayaan dan mengasah bakat penghasilan, perundingan dan kepimpinan kakitangan; dan
- Mengenal pasti pemimpin sebagai pelapis, pemangkin dan penggerak masa depan.



Bahagian Pengurusan

Bahagian Pengurusan mempunyai 2 Cawangan iaitu Cawangan Pentadbiran dan Kewangan dan Cawangan Pengurusan Sumber Manusia. Fungsi utama Bahagian ialah :

- Menguruskan pentadbiran am Jabatan yang merangkumi pengurusan harta modal, inventori, kenderaan, pelupusan, surat menyurat, fail dan urusan lain selaras dengan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA);
- Mengurus kewangan Jabatan yang merangkumi bajet, perbelanjaan mengurus dan pembangunan, Akaun Amanah, Akaun Hasil dan perolehan;
- Mengurus sumber manusia merangkumi urusan perkhidmatan, persaraan, kenaikan pangkat dan lain-lain; dan
- Mengendalikan urusan peperiksaan Jabatan seperti peperiksaan perkhidmatan, peperiksaan Jabatan, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan peperiksaan khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

CAWANGAN PENTADBIRAN AM DAN KEWANGAN

Fungsi utama Cawangan Pentadbiran Am dan Kewangan adalah meliputi urusan Pentadbiran Am, Pembangunan dan Kewangan Jabatan. Unit Pentadbiran Am bertanggungjawab mengurus pentadbiran am, penyelenggaraan pejabat dan penggunaan kemudahan pejabat. Manakala, Unit Kewangan bertanggungjawab sebagai Ibu Pejabat yang berurusan dengan Agensi Pusat seperti Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Akauntan Negara, sementara tanggungjawab kedua sebagai Pusat Tanggungjawab yang berurusan dengan Akauntan Negara Cawangan Wilayah Persekutuan untuk urusan gaji, tuntutan, bayaran bil dan penyediaan laporan prestasi perbelanjaan. Unit Kewangan juga berperanan sebagai urusetia pembangunan Jabatan untuk menjadi penggerak utama jentera penyelarasan projek pembangunan Jabatan.

UNIT PENTADBIRAN AM

Pengurusan Harta Modal/Inventori dan Stor Jabatan

Jabatan ini telah memperolehi Sistem Pengurusan Aset dan Stor yang dikenali sebagai MyAsset dan MyStor dengan menggunakan teknologi ICT bagi mengurus dan mengawal Harta Modal, Inventori dan Stor/Stok Bekalan Pejabat. Unit Pentadbiran Am telah selesai mengemaskini rekod-rekod Harta Modal/Inventori di Pejabat Ketua Audit Negara, Pejabat Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan), Pejabat Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Pejabat Pengarah Sektor Korporat dan Bahagian Pengurusan. Sistem ini akan diperluaskan kepada pengguna di peringkat semua Sektor.

Sehubungan itu, antara tugas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Memasukkan data-data untuk semua rekod harta modal dan inventori,
- Membuat penampalan label aset dan lokasi,
- Mengeluarkan senarai aset mengikut lokasi dan nama pegawai, dan
- Membuat pemerhatian dan pemantauan kepada penggunaan sistem.

Keselamatan Jabatan

Jabatan telah menubuhkan satu Pasukan Bertindak Kecemasan (*Emergency Response Team - ERT*) pada bulan Mei 2006 dan setiap Sektor/Cawangan/Unit di Ibu Pejabat telah melantik dua orang wakil sebagai *Floor Marshal* dan *Assistant Floor Marshal*. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Taklimat dan mesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2006.
- Ceramah 'Keselamatan dan Kebakaran Bangunan' pada 26 Julai 2006 di Dewan Serbaguna, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2, Putrajaya. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Emi bin Taihin, wakil daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Putrajaya.
- Kursus 'Persediaan dan Kecemasan Kebakaran' di Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya pada 8 Ogos 2006 yang dihadiri oleh *Floor Marshal* dan *Assistant Floor Marshal*.
- Membekalkan peralatan keselamatan kepada setiap aras bangunan Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

Bahagian Pengurusan

UNIT KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2006, peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan kepada Jabatan Audit Negara ialah sejumlah RM 87.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM 85.9 juta (98%) telah dibelanjakan, meningkat RM11.8 juta (15.9%) daripada tahun 2005.

Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006

PERKARA	2005		2006	
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Emolumen	46,820,900	46,720,373	50,074,300	49,753,060
Perkhidmatan dan Bekalan	26,195,000	25,674,876	33,975,100	32,880,507
Aset	1,700,000	1,684,545	3,291,600	3,174,736
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	8,000	54,420	54,000	53,175
Lain-lain Perbelanjaan	15,000	11,400	35,000	30,869
JUMLAH	74,738,900	74,145,614	87,430,000	85,892,347

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan Jabatan Audit Negara telah diberi peruntukan sejumlah RM4.54 juta bagi projek pembangunan iaitu Akademi Audit Negara dan Projek Pengkomputeran. Prestasi Perbelanjaan adalah seperti berikut :

Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2006

Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Akademi Audit Negara	2,250,000	1,444,258
Projek Pengkomputeran	2,286,000	2,089,570
Jumlah	4,536,000	3,533,828

Akaun Amanah Latihan Kepakaran Dan Penyelidikan Jabatan Audit Negara

Akaun Amanah Latihan Kepakaran dan Penyelidikan Jabatan Audit Negara ditubuhkan bertujuan untuk memperakaunkan sumbangan dan terimaan yang dibenarkan untuk Akaun ini dan digunakan untuk aktiviti yang berkaitan dengan latihan kepakaran, penyelidikan, pembelajaran profesional berterusan serta kebajikan untuk peserta kursus. Baki akaun pada awal tahun 2006 adalah sebanyak RM165,170. Jumlah terimaan adalah sebanyak RM78,806 manakala sejumlah RM6,495 telah dibelanjakan untuk pembelian bahan rujukan. Baki akaun pada akhir tahun 2006 adalah sebanyak RM237,481.



Bahagian Pengurusan

Ubah Suai Pejabat Dan Pembelian Kenderaan

Jabatan Audit Negara telah melaksanakan ubah suai ruang pejabat untuk Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sarawak, Akademi Audit Negara dan Unit Sokongan Teknikal. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga telah membuat perolehan kenderaan melibatkan 2 buah bas (25 tempat duduk), 4 kenderaan pacuan 4 roda serta sebuah motorsikal. Peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di bawah:

Negeri	Ubahsuai Pejabat		Kenderaan	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
Ibu Pejabat	376,770	265,269	500,000	492,000
Sarawak	191,380	191,380	397,000	397,000
Sabah	-	-	198,500	198,500
Jumlah	568,150	456,649	1,200,000	1,087,500

Projek Pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk pembinaan bangunan pejabat cawangan Jabatan Audit Negara. Cawangan Audit Negeri Selangor diperuntukkan sebanyak RM15 juta, Terengganu RM10 juta, Perak RM10 juta dan Pahang RM15 juta. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga telah diluluskan peruntukan di bawah *Private Finance Initiative* (PFI) sebanyak RM53 juta untuk pembinaan bangunan pejabat iaitu bagi Cawangan Audit Negeri Kedah diperuntukkan sebanyak RM17 juta, Kelantan RM18 juta dan Negeri Sembilan RM18 juta. Pada akhir tahun 2006, urusan pengambilan tanah dan perancangan pembinaan bangunan sedang giat diuruskan oleh Sektor Pengurusan Korporat dengan kerjasama negeri-negeri terlibat. Oleh itu, hasrat Jabatan Audit Negara untuk melengkapkan infrastruktur pejabat baru dan mewujudkan suasana kerja yang lebih kondusif akan tercapai dalam tempoh RMK-9.

CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Cawangan Sumber Manusia bertanggungjawab dalam melaksanakan urusan perkhidmatan kakitangan Jabatan Audit Negara. Aktiviti utama Cawangan Pengurusan Sumber Manusia adalah pengisian jawatan, pengesahan dalam jawatan, pertukaran dalaman, urusan kenaikan pangkat, persaraan, urusan tatatertib, kaunseling, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, anjakan gaji dan urusan melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD. Perjawatan yang telah diluluskan bagi Jabatan Audit Negara pada tahun 2006 adalah 1,613 dan sebanyak 1,480 perjawatan telah diisi.

Kedudukan Perjawatan Mengikut Kategori

Kategori	Diluluskan	Diisi	Kekosongan
Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)	7	7	-
Pengurusan & Profesional	275	251	24
Kumpulan Sokongan	1,331	1,222	109
Jumlah	1,613	1,480	133

Bahagian Pengurusan

Sepanjang tahun 2006, Cawangan Sumber Manusia telah membuat pengisian sebanyak 168 jawatan. Seramai 86 kakitangan telah disahkan dalam jawatan manakala 42 kakitangan telah diluluskan pertukaran dalaman. Bagi urusan kenaikan pangkat pula, seramai 168 pegawai telah dinaikan pangkat di bawah pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Seramai 32 orang kakitangan telah melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana. Seramai 108 kakitangan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 58 orang diluluskan anjakan gaji.

Aktiviti Cawangan Pengurusan Sumber Manusia

Perkara	Bil. Pegawai/Kakitangan
Pengisian Jawatan	168
Pengesahan Dalam Jawatan	86
Pertukaran	42
Kenaikan Pangkat	168
Persaraan	29
Tindakan Tatatertib	2
Kaunseling	3
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	108
Anjakan Gaji	58
Program Diploma, Ijazah Dan Sarjana	32

UNIT PEPERIKSAAN

Unit Peperiksaan telah melaksanakan urusan peperiksaan Jabatan bagi seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara. Bilangan dan jenis peperiksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2006 adalah seperti jadual di bawah.

Peperiksaan Perkhidmatan (Pegawai Dalam Percubaan)

Bilangan	Tarikh	Gred	Bilangan Calon		
			Bhg. II Perlembagaan & Undang-undang	Bhg. III Perakaunan	Bhg. IV Pengauditan
1/2006	6 - 8 Jun 2006	W41	4	9	8
		W27	20	13	18
2/2006	12 - 15 Disember 2006	W41	2	6	4
		W27	12	15	20



Bahagian Pengurusan

Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) Ke Skim Perkhidmatan Penolong Juruaudit W27

Tarikh	Bilangan Calon		
	Seksyen A Perlembagaan, Undang-undang & Peraturan Kewangan & Pentadbiran	Seksyen B Perakaunan	Seksyen C Pengauditan
6 - 8 Jun 2006	21	20	27

Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Tarikh	Gred	Bilangan Calon	
		Bhg. I Kompetensi Umum	Bhg. II Kompetensi Khusus
6 - 8 Jun 2006	W41	98	136
	W32	75	79
	W27	329	379
	W22	22	20
	W17	47	62

Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Gred	Tarikh	Bilangan Calon
W52	30 Julai - 5 Ogos 2006	15
W44	12 - 20 Ogos 2006	30
W36	12 - 19 Ogos 2006	27
W26	17 - 23 Disember 2006	7

Sepanjang tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah mengadakan Mesyuarat Panel Penggubal Soalan Peperiksaan Jabatan sebanyak 6 kali, Mesyuarat Panel Penggubal Soalan Peperiksaan PTK sebanyak 2 kali dan Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan sebanyak 4 kali. Peranan yang dimainkan oleh Panel Penggubal Soalan Peperiksaan Jabatan dan PTK sangat penting dalam merealisasikan pelaksanaan Sistem Saran Malaysia di Jabatan ini. Peranan utamanya adalah menguruskan pelantikan Penggubal Soalan Peperiksaan Perkhidmatan, KPSL dan Peperiksaan PTK; Menentukan taraf dan mutu soalan Peperiksaan Perkhidmatan, KPSL dan Peperiksaan PTK; Meluluskan draf soalan peperiksaan yang disediakan oleh Penggubal; Menguruskan pelantikan pemeriksa kertas jawapan; Meluluskan Skema Jawapan bagi Peperiksaan Perkhidmatan, KPSL dan Peperiksaan PTK; Menentukan markah lulus; Menyediakan Laporan Keputusan Peperiksaan dan Analisis Peperiksaan kepada Panel Peperiksaan Jabatan; dan Memperakukan kes-kes perlanggaran peraturan peperiksaan kepada Panel Peperiksaan Jabatan.

Bahagian Penyelidikan

Penyelidikan adalah amat penting untuk memajukan sesebuah organisasi. Walaupun Bahagian Penyelidikan dilihat sebagai bahagian sokongan namun ia mempunyai peranan dalam membantu meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada auditi dan *stakeholder* melalui penyelidikan yang komprehensif dan sahih. Ini sekaligus dapat meningkatkan imej korporat Jabatan. Komitmen menyeluruh di peringkat kepimpinan tertinggi hingga ke kumpulan sokongan membolehkan misi, visi dan strategi dirancang dan dikongsi untuk menjamin kejayaan aktiviti penyelidikan.

Pada tahun 2006, Bahagian Penyelidikan telah menjalankan beberapa kajian, menyemak semula Garis Panduan, menyediakan laporan, mengurus hubungan antarabangsa, mengurus lawatan delegasi dari luar negara, serta mengurus dan memantau Firma Audit Swasta yang mendapat kontrak perkhidmatan pengauditan daripada Jabatan. Di samping itu, Bahagian ini juga telah menjadi urusetia kepada beberapa aktiviti Jabatan seperti Konvensyen Audit Kebangsaan, Majlis Makan Malam Perdana, *Symposium on Environmental Governance* dan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2006. Berikut adalah catatan ringkas aktiviti Bahagian Penyelidikan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006:

Penyediaan dan Penyemakan Semula Garis Panduan Jabatan

Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan garis panduan bagi sesuatu teknik atau prosedur pengauditan yang baru bagi meningkatkan kualiti pengauditan. Di samping itu, garis panduan yang sedia ada juga disemak untuk memastikan setiap garis panduan dikemaskini selaras dengan perkembangan semasa. Pada tahun 2006, Bahagian ini dengan kerjasama Sektor Audit Negeri khususnya telah mengeluarkan 3 Garis Panduan iaitu:

- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Institusi Agama Islam Yang Lain;
- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri; dan
- Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Jabatan Perhutanan.

Penyediaan Laporan

Satu tugas baru yang dilakukan oleh Bahagian ini adalah meneliti Penyata Rasmi Parlimen (Hansard) bagi mengenalpasti isu-isu signifikan berkaitan audit. Laporan Petikan Penyata Rasmi ini boleh digunakan sebagai rujukan bagi pegawai audit di pelbagai sektor supaya pengauditan difokuskan kepada isu-isu yang relevan dan terkini yang boleh diaudit.

Di samping itu, Bahagian ini juga telah menyediakan beberapa laporan seperti berikut:

- Laporan Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Tahun 2006;
- Laporan ringkas Mengenai Audit Syariah di Malaysia;
- Laporan mengenai Penggunaan Istilah Dalam Memberi Pendapat Audit;
- Laporan perbandingan Amalan Kawal Selia Profesion Juruaudit bagi Negara United Kingdom, Amerika Syarikat, Afrika Selatan dan Malaysia;
- Laporan Status *Audit Quality Management System (AQMS)*, 7th ASOSAI Research Project;
- Kertas mengenai Status Pelaksanaan Pengauditan Alam Sekitar di Jabatan; dan
- Kertas mengenai status penubuhan Lembaga Juruaudit Malaysia/Institut Juruaudit Malaysia.

Pengurusan Firma Audit Swasta (FAS)

Bahagian Penyelidikan telah mengambilalih pengurusan FAS daripada Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2002. Setakat tahun 2006, terdapat 56 FAS yang melaksanakan pengauditan akaun bagi 95 Badan Berkanun Persekutuan, 116 Badan Berkanun Negeri dan 137 Pihak Berkuasa Tempatan. Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam mengurus FAS adalah seperti berikut:

- Menyedia kertas cadangan peralihan FAS kepada Jawatankuasa Pelantikan setelah menerima permohonan daripada Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Sektor Audit Persekutuan dan Sektor Audit Kerajaan Negeri bagi akaun baru dan akaun yang telah tamat tempoh kontraknya dan akan disambung semula;



Bahagian Penyelidikan

- Menyedia Dokumen Perjanjian Pelantikan FAS antara Ketua Audit Negara dengan FAS;
- Memantau prestasi FAS untuk tujuan *input* kepada jawatankuasa pelantikan FAS. Aspek-aspek pemantauan merangkumi pematuhan kepada terma dan syarat kontrak, pelaksanaan kerja pengauditan, sumber tenaga dan kompetensi pegawai;
- Mengemaskini profil setiap FAS dari semasa ke semasa; dan
- Mengadakan Perjumpaan Tahunan Ketua Audit Negara bersama FAS bagi memantapkan mutu pengauditan dan pengurusan FAS.

Kajian Yang Dilaksanakan

Antara kajian yang dilaksanakan sepanjang tahun 2006 ialah Kajian Persepsi Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara 2005 – 2007, Kajian Penggunaan dan Semakan Semula Garis Panduan Pengauditan ICT dan Kajian Semula Akta Audit 1957.

Bil.	Tajuk dan Sinopsis Kajian
1.	Kajian Persepsi Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara 2005 – 2007 Kajian ini menilai persepsi pegawai dan kakitangan Jabatan terhadap dokumen perancangan strategik yang merangkumi Visi, Misi, Objektif Jabatan, Piagam Pelanggan, Budaya Korporat dan Perancangan Strategik Jabatan. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelbagai perjawatan dari gred W17 hingga W54. Kajian ini menunjukkan persepsi pegawai dan kakitangan Jabatan adalah baik terhadap semua aspek yang dinilai. Sesi penerangan dan perbincangan perlu dilakukan supaya semua peringkat pegawai dan kakitangan memahami aspek perancangan strategik Jabatan dan satu pengukuran perlu diwujudkan bagi mengukur pencapaian matlamat perancangan strategik.
2.	Kajian Penggunaan dan Semakan Semula Garis Panduan Pengauditan ICT Tahap kefahaman pegawai Jabatan mengenai Garis Panduan Pengauditan ICT adalah penting untuk menentukan Garis Panduan ini digunakan bagi melaksanakan pengauditan ICT dengan efektif. Seramai 151 orang pegawai dan kakitangan Gred W17 hingga W54 terlibat dalam kajian ini. Pada keseluruhannya, tahap kefahaman di kalangan pegawai dan kakitangan masih tidak memuaskan memandangkan Garis Panduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan huraian terhadap beberapa aspek pengauditan ICT adalah terlalu ringkas. Garis Panduan ini akan disemak semula dan dikemaskini selaras dengan perkembangan dan kemajuan bidang ICT.
3.	Kajian Semula Akta Audit 1957 Kajian meta analisis ini bertujuan untuk membuat perbandingan peruntukan Akta Audit 1957 dengan Akta Audit di Institusi Utama Audit seperti United Kingdom, New Zealand, Australia dan Canada. Kajian ini memberi tumpuan kepada tugas, jenis pengauditan, kuasa Ketua Audit Negara, kerahsiaan dan laporan audit. Hasil kajian ini boleh menambah baik kandungan Akta Audit 1957 yang sedia ada demi meningkatkan kewibawaan dan keupayaan jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan sektor awam.

Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi

Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (BTMK) bertanggungjawab bagi merancang dan menyediakan prasarana serta mengurus pengkomputeran Jabatan Audit Negara. Selain itu, BTMK memberi khidmat membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengauditan dalam persekitaran teknologi maklumat. BTMK terdiri daripada dua cawangan iaitu Cawangan Khidmat Nasihat Audit ICT dan Cawangan Pembangunan dan Operasi. BTMK juga berperanan;

- Membangun dan melaksanakan sistem aplikasi secara efektif.
- Meningkatkan kecekapan dan keselamatan komunikasi dalaman.
- Meningkatkan tahap kemahiran dalam penggunaan komputer di kalangan pengguna dan membentuk kepakaran pengauditan teknologi maklumat bagi melaksanakan pengauditan ICT.

Aktiviti Tahun 2006

- Penghasilan Dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jabatan Audit Negara bagi tahun 2006 hingga tahun 2010.
- Mengadakan Persidangan Tahunan ICT JAN yang membincangkan isu-isu berkaitan pengkomputeran Jabatan.
- Memberi bantuan berhubung pewujudan jawatan Juruteknik Komputer di Cawangan Audit Negeri. Seramai 11 Juruteknik FT17 baru telah memulakan tugas di Cawangan Audit Negeri pada tahun 2006.
- Memperluas akses untuk pegawai audit ke rangkaian Audit*Net dengan penambahan penyambungan rangkaian melibatkan sebanyak 23 lokasi di Seksyen Audit Bendahari Negeri dan Akauntan Negeri. Peningkatan keupayaan jalur lebar daripada 256Kbps ke 384Kbps di 16 lokasi sedia ada.
- Jabatan telah dilengkapi dengan :
 - o Server bagi *Integrated Campus Management System (ICMS)* di Akademi Audit Negara.
 - o Sistem *MyAsset* dan *MyStor* untuk mengurus pendaftaran dan pergerakan harta modal.
 - o Sistem *ILMU* untuk pengurusan koleksi Perpustakaan.

- Pertambahan perolehan perisian Dewan Eja sebanyak 1,288 unit bagi membantu meningkatkan kualiti penulisan.
- Penyediaan Persembahan Multimedia sempena Majlis Penamaan Auditorium Ahmad Noordin, Simposium Pengurusan Alam Sekitar, Pelancaran Garis Panduan pada Hari Kualiti dan Sambutan Hari Audit Se Malaysia.
- Pertambahan bilangan PC dan *Notebook*.
- Peralatan Sidang Video Jabatan telah diperolehi dan digunakan semasa berlangsungnya:
 - Simposium Alam Sekitar di Akademi Audit Negara pada 4 Disember 2006.
 - Mesyuarat Pengurusan pada 6 Disember 2006 diadakan secara sidang video antara Ibu pejabat dengan Cawangan Audit Pulau Pinang, Kelantan, Johor, Sarawak dan Sabah.
- Panduan *Computer Assisted Audit Techniques And Tools (CAATTs)* untuk rujukan pegawai audit.

Panduan Baru :

- Buku Vot SPEKS.
- Modul Gaji SPEKS.

Panduan Dikemaskini :

- Caruman KWSP versi 1.2.
- Penyata Kewangan SPEKS versi 1.2.

- Persediaan perubahan daripada *Branch Accounting Systems (BAS)* kepada *Government Financial Management Accounting Systems (GFMAS)* oleh Jabatan Akauntan Negara. Khidmat Nasihat untuk akses pangkalan data Sistem GFMAS bagi pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan.



Cawangan Penyelarasan & Pengurusan Maklumat

Cawangan Penyelarasan dan Pengurusan Maklumat (CPPM) telah ditubuhkan sebagai penyelaras kepada aktiviti-aktiviti dalaman di antara Sektor/Bahagian/Cawangan dan juga antara Jabatan Audit Negara dengan organisasi luar. Selain itu, cawangan ini berperanan menyediakan sumber maklumat kepada Sektor/Bahagian/Cawangan dalam menjalankan pengauditan dan pengurusan.

Penerbitan Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan

Laporan Aktiviti Tahunan merupakan buku tahunan yang dikeluarkan oleh Jabatan meliputi perkembangan aktiviti Jabatan sepanjang tahun. Selain untuk edaran dalaman, laporan ini juga telah diedarkan kepada Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri, Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam peringkat Persekutuan dan Negeri, Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Perpustakaan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Penerbitan Buletin Audit


Pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara buat julung kalinya menerbitkan buletin Jabatan yang diberi nama Buletin Audit dan dikeluarkan dua kali setahun, iaitu pada bulan Jun dan Disember. Buletin pertama telah berjaya diterbitkan pada bulan Jun 2006 dan dilancarkan oleh Ketua Audit Negara. Buletin kedua terbitan bulan Disember 2006 telah mula diedarkan bersempena dengan sambutan Hari Audit Se Malaysia pada 5 Disember 2006.

Penerbitan Buletin Audit adalah bertujuan untuk menjadi penghubung maklumat kepada warga Audit dan sebagai media perantara bagi penyampaian mesej kepada auditi. Antara lain, Buletin Audit berkongsi panduan mengenai beberapa aspek seperti pengurusan kewangan, projek pembinaan dan sebagainya. Buletin Audit diedarkan kepada Menteri, Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri, Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam peringkat Persekutuan dan Negeri, Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan, Perpustakaan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan IPTA dan individu/pesara Jabatan.

Penyelenggaraan Kandungan Laman Web Jabatan Audit Negara

Kandungan Laman Web Jabatan dikemas kini dari semasa ke semasa dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Ruang yang diselenggarakan adalah seperti berikut:

- Maklumat semasa Jabatan di Papan Buletin;
- Maklumat Jabatan merangkumi Profil Ketua Audit Negara, kertas kerja pembentangan, perutusan dan ucapan Ketua Audit Negara, Hubungan Antarabangsa, Misi, Visi dan Piagam Pelanggan Jabatan, Perancangan Strategik Jabatan, Standard Pengauditan, Perkhidmatan dan Kod Etika Juruaudit serta Direktori Pegawai;
- Ruang Perundangan yang berkaitan dengan Institusi Ketua Audit Negara;
- Ruang Penerbitan meliputi Buletin Audit, Laporan Aktiviti Tahunan dan Sepintas Lalu JAN;
- Laporan Audit Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Laporan Audit Negeri di ruangan Laporan Audit;
- Ruang Media memaparkan liputan media/keratan akhbar berkaitan Jabatan dan temu bual media dengan Ketua Audit Negara;
- Ruang Pertukaran Pegawai Audit;
- Maklumat mengenai peristiwa dan aktiviti Ibu Pejabat, Cawangan Audit Negeri dan Akademi Audit Negara termasuk aktiviti KMK, Kelab Audit dan PUSPANITA.



Cawangan Penyelarasan & Pengurusan Maklumat

Ceramah Eksekutif

Jabatan Audit Negara sentiasa menggalakkan pegawai/kakitangannya menambah ilmu pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Oleh itu, Jabatan telah mengadakan siri Ceramah Eksekutif Bulanan yang merangkumi bidang seperti pengauditan, perakaunan, pengurusan, agama, pengetahuan am dan isu-isu semasa sebagai salah satu usaha membantu pegawai mendalami pengetahuan am mereka. Sepanjang tahun 2006 sebanyak 10 siri ceramah telah diadakan seperti berikut:

Ceramah Eksekutif Tahun 2006

Bil.	Tajuk	Nama Penceramah	Tarikh
1	Melaksanakan Tugas Dengan Amanah	Y. Bhg. Ust. Wan Akashah bin Wan Ab. Hamid Penceramah Bebas	14 Mac 2006
2	Isu-Isu Industri Pembinaan Dari Perspektif CIDB Malaysia	Y. Bhg. Datuk Ir. Hamzah bin Hasan Ketua Eksekutif CIDB Malaysia	20 April 2006
3	Penyakit Berkaitan Pekerjaan (Occupational Disease)	Dr. Zairina bt. A. Rahman Penolong Pengarah & Pakar Kesihatan Pekerjaan Kementerian Kesihatan Malaysia	25 Mei 2006
4	Keseimbangan Pembangunan & Penyelenggaraan Alam Sekitar	Y. Bhg. Dato' Seri Dr. Salleh bin Mohd Nor Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia	8 Jun 2006
5	Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Organisasi Untuk Meningkatkan Kreativiti & Inovasi	Y. M. Raja Kamariah bt. Raja Mohd Khalid Pegawai Kaunselor Jabatan Perdana Menteri	28 Jun 2006
6	Urus Tadbir Dalam Sektor Perkhidmatan Awam – Isu & Cabaran	Y. Bhg. Dato' Seri Megat Najmuddin bin Datuk Seri Dr. Hj. Megat Khas Presiden Malaysia Institute of Corporate Governance	21 Julai 2006
7	Melindungi Kepentingan Kumpulan Minoriti Dalam Pasaran Saham – Isu & Cabaran	En. Abdul Wahab bin Jaafar Sidek Ketua Pegawai Eksekutif Minority Shareholder Watchdog Group	30 Ogos 2006
8	'The Ultimate Intelligence' Kaedah Sistemik Al-Huffaz Membaca, Melancar & Menghafaz Al-Quran	Y. Bhg. Dr. Hj. Mohd Shafie bin Hj. Md. Amin al-Muqri' Pengerusi Al-Huffaz Consulting Sdn Bhd	21 September 2006
9	Iktibar Ramadhan	Y. Bhg. Ustaz Dzulkarnain bin Hamzah Pengarah Urusan Zulha Enterprise	16 Oktober 2006
10	Kualiti Bermula Daripada Anda	Tn. Hj. Ahmad bin Berek Pengarah Urusan P & Q Consult Sdn. Bhd.	15 November 2006



Cawangan Penyelarasan & Pengurusan Maklumat

Lawatan Dalam Negara

Sepanjang tahun 2006 sebanyak 7 lawatan telah diterima daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pegawai dari Jabatan/Agensi Kerajaan yang bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan menambah pengetahuan mengenai bidang pengauditan serta peranan Jabatan Audit Negara.

Senarai Lawatan 2006

Tarikh	Lawatan
1 Mac 2006	Lawatan Akademik 35 Mahasiswa dan 3 Pensyarah dari Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Negeri Pahang ke Ibu Pejabat JAN, Putrajaya.
3 Mac 2006	Lawatan Akademik 36 Mahasiswa dan 2 Pensyarah dari Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Negeri Terengganu ke Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan.
14 Julai 2006	Lawatan Akademik 70 pelajar dan 3 pensyarah Fakulti Perakaunan dan Ekonomi KUSTEM, Kuala Terengganu.
8 September 2006	Lawatan Akademik 28 Mahasiswa dan 2 Pensyarah Diploma Perakaunan Politeknik Kota Bharu Kelantan ke Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara
15 September 2006	Lawatan akademik 83 Mahasiswa dan 2 Pensyarah Sarjana Muda Perakaunan Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM) ke Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.
18 September 2006	Lawatan Akademik 38 Mahasiswa dan 2 Pensyarah Kursus Diploma Perakaunan, UiTM, Perlis ke Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.
20 September 2006	Lawatan kerja 43 kakitangan Giat MARA Negeri Perak ke Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.



Cawangan Penyelarasan & Pengurusan Maklumat

Perpustakaan

Perpustakaan JAN telah menambah koleksi buku-buku baru yang meliputi bidang pengauditan, perakaunan, pengurusan, komputer, psikologi dan juga bacaan umum termasuk fiksyen. Mulai tahun 2006, Perpustakaan telah mula menggunakan Sistem ILMU (*Integrated Library Management Utility*) bagi pengendalian urusan pinjaman dan pemulangan. Jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan hingga Disember 2006 ialah 7,214 naskhah (tidak termasuk jumlah majalah yang diterima setiap tahun).

Statistik Perpustakaan

Perkara	2005	2006
Perolehan buku	219	347
Perolehan terbitan lain	647	494
Judul majalah	23	24
Pinjaman/Pemulangan	905	2690
Koleksi sedia ada	6,373	7,214



Kumpulan Koir Jabatan Audit Negara

CPPM menyelaras kumpulan Koir JAN dari segi logistik dan persediaan dalam membuat persembahan. Dalam tahun 2006 kumpulan Koir JAN telah membuat persembahan di majlis-majlis berikut:-

- Konvensyen Audit Kebangsaan pada 14 Februari 2006
- Majlis Makan Malam Perdana sempena Sambutan Ulang Tahun ke-100 Institusi Audit Negara pada 14 Februari 2006
- Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mei 2006
- Majlis Hari Kualiti dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JAN pada 9 November 2006
- Simposium Pengurusan Alam Sekitar pada 4 Disember 2006
- Hari Audit Se Malaysia pada 5 Disember 2006



Aktiviti Lain

- Urus setia Mesyuarat Pagi/Pengurusan
- Urus setia Mesyuarat Sektor Pengurusan Korporat
- Urus setia Jawatankuasa Pemandu KMK
- Urus setia Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2000
- Urus setia Jawatankuasa Standard Perakaunan
- Urus setia Perjumpaan Ketua Audit Negara Dengan Ketua Unit/Setiausaha Bahagian Audit Dalam/Audit Sekolah Kementerian/Jabatan.



Cawangan Khidmat Nasihat Teknikal

Cawangan Khidmat Nasihat Teknikal adalah bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan latihan kepada pasukan audit yang menjalankan pengauditan projek pembinaan. Cawangan ini turut memberi khidmat nasihat bagi aktiviti pembangunan Jabatan dan pengubahsuaian pejabat Audit. Bidang khidmat nasihat yang diberi meliputi aspek Kejuruteraan Awam, Bangunan dan Pentadbiran Kontrak Pembinaan.


Aktiviti Tahun 2006

Auditan Prestasi-Projek Pembinaan

Bil	Sektor/Unit Audit	Bilangan Projek
1	Audit Kerajaan Persekutuan	7
2	Audit Kerajaan Negeri	10
3	Audit Badan Berkanun Persekutuan	1
4	Unit Audit Dalam	2
Jumlah Projek		20

Pembangunan Jabatan

Bil	Tempat	Bilangan Projek
1	Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara	3
2	Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri	4
3	Akademi Audit Negara	13
Jumlah Projek		20



akademi audit negara

PENGENALAN

Akademi Audit Negara (AAN) dirasmikan pada 24 November 2005 bagi menampung keperluan latihan Jabatan Audit Negara. Polisi dan program latihan digubal bagi memastikan ianya selaras dengan salah satu sasaran yang ditetapkan dalam Perancangan Strategik Jabatan iaitu "Menyediakan Program Latihan Berkesan". Di samping itu program latihan ini juga dirangka bagi memenuhi keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menghendaki setiap kakitangan Kerajaan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun. Semua kursus dan latihan dilaksanakan oleh 4 sekolah iaitu Sekolah Pengauditan, Sekolah Perakaunan, Sekolah ICT dan Sekolah Pengurusan.

VISI LATIHAN JABATAN AUDIT NEGARA

Melengkapkan warga Jabatan Audit Negara dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi penyumbang utama kearah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti.

MISI LATIHAN JABATAN AUDIT NEGARA

Menyediakan program latihan yang berkesan bagi semua warga Jabatan Audit Negara dan memberikan ruang secukupnya untuk mereka mempertingkatkan budaya kerja cemerlang.



Akademi Audit Negara

Kursus Anjuran AAN

Dalam tahun 2006 AAN telah berjaya melaksanakan 71 kursus dan bengkel melibatkan seramai 2,116 pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara. Kursus-kursus ini meliputi bidang pengauditan, perakaunan, ICT dan juga pengurusan. Antara kursus-kursus tersebut ialah pengauditan penyata kewangan, pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, pengauditan kontrak, pengauditan pengurusan tanah, pengauditan hasil Kerajaan, *ICT Awareness and Controls*, *Basic Audit Comand Language (ACL)*, perakaunan asas, pengenalan kepada *Financial Reporting Standards (FRS)*, Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan lain-lain. Tempoh kursus adalah antara 3 hingga 14 hari dan semua peserta disediakan kemudahan makan dan penginapan di asrama AAN. Dalam mengelolakan kursus-kursus ini AAN juga menawarkan tempat kepada kakitangan agensi lain yang ingin turut menyertai kursus tersebut di samping mengendalikan latihan yang khusus untuk sesebuah agensi.

Kursus Yang Dijalankan Pada Tahun 2006

Bidang	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Pengauditan	29	838
Perakaunan	12	385
ICT	10	230
Pengurusan	20	663
Jumlah	71	2,116

Kursus Anjuran Agensi Luar

Selain dari menghadiri kursus anjuran AAN, pegawai dan kakitangan Audit juga dihantar menghadiri kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi luar dengan dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan. Pemilihan seminar dan bengkel bergantung kepada tajuk yang sesuai dan relevan dengan bidang pengauditan, ICT, perakaunan dan juga pengurusan. Antara seminar yang telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Audit ialah *Workshop on Fraud Prevention, Forensic Auditing, IT Audit and Governance, Internal Audit Conference, Corporate and Business Writing Skills, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum* dan lain-lain. Pada tahun 2006 seramai 131 pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara telah menghadiri 53 kursus/seminar/bengkel anjuran agensi luar.

Kakitangan Jabatan Audit Negara Yang Menghadiri Seminar/Bengkel Anjuran Agensi Luar

Kategori Perkhidmatan	Kursus/Seminar/Bengkel
JUSA 'C'	3
W48 hingga W54	48
W41 hingga W44	55
W17 hingga W36	25
Jumlah	131

Akademi Audit Negara

Majlis Penamaan Auditorium Ahmad Noordin

Pada 9 November 2006 satu majlis bagi menamakan Auditorium di Akademi Audit Negara dengan nama Auditorium Ahmad Noordin telah diadakan. Nama Auditorium ini dipilih bagi mengenang jasa serta sumbangan yang telah dicurahkan oleh Allahyarham Tan Sri Ahmad Noordin bin Zakaria semasa beliau menjawat jawatan Ketua Audit Negara dari tahun 1975 hingga 1986. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Audit Negara, Y. Bhg. Tan Sri Dato Setia Ambrin Bin Buang. Antara tetamu yang hadir ialah isteri Allahyarham Y. Bhg. Puan Sri Fatimah Hashim serta ahli-ahli keluarga beliau, bekas Ketua Audit Negara Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan Bin A. Jalil serta beberapa bekas pegawai kanan Jabatan Audit Negara yang pernah berkhidmat bersama Allahyarham.




AAN Sebagai Course Provider Di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

Akademi Audit Negara telah diberi kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 12 Disember 2006 bagi mengendalikan Kursus Jangka Pendek di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme*) mulai tahun 2007. Di bawah program ini Kerajaan Malaysia akan membiayai sepenuhnya perbelanjaan seorang peserta dari setiap 25 negara sedang membangun yang dipilih bagi menghadiri kursus yang akan diadakan di Akademi Audit Negara. Dua kursus telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2007 dan beberapa negara akan dipelawa untuk menghadiri kursus tersebut.

Kursus	Tarikh	Negara Yang Akan DiPelawa
<i>Performance Audit Course</i>	Mei 2007	Azerbaijan, Bangladesh, Bhutan, Kemboja, China, Georgia, India, Indonesia, Iran, Iraq, Kazakhstan, Kyrgyztan, Maldives, Mauritius, Mongolia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Sri Lanka, Thailand, Turki, Vietnam, Yaman.
<i>ICT Audit Course</i>	November 2007	

Objektif Jabatan Audit Negara dalam menganjurkan kursus di bawah program ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan serantau dalam bidang pengauditan sektor awam dan membantu untuk mempertingkatkan tahap akauntabiliti sektor awam di negara masing-masing. Bantuan dalam aspek teknikal ini juga akan memberi peluang dan pendedahan kepada pegawai Jabatan Audit Negara bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan dengan peserta kursus berhubung tugas pengauditan yang dijalankan. Selain itu melalui penganjuran kursus-kursus di bawah program ini juga akan dapat memperkenalkan Akademi Audit Negara sebagai sebuah pusat kecemerlangan (*Centre of Excellence*) di rantau Asia.





sektor audit kerajaan persekutuan

PENGENALAN

Sektor Audit Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kepada Parlimen sama ada wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan wang awam dan aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pengauditan ini dijalankan oleh Sektor Audit Kerajaan Persekutuan terhadap Penyata Akaun Awam serta aktiviti di Kementerian/Jabatan Persekutuan. Aktiviti pengauditan dilaksanakan oleh 13 Cawangan Audit Persekutuan di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur serta 13 Seksyen Audit Persekutuan di Cawangan Audit Negeri.



Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan Kerajaan Persekutuan

Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan yang disediakan setiap tahun oleh Akauntan Negara Malaysia diperakukan oleh Ketua Audit Negara dan dibentangkan di Parlimen mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan. Proses pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di semua Cawangan Audit Persekutuan dibahagikan kepada dua peringkat iaitu :

i. Pengauditan Interim

Pengauditan ini dijalankan sepanjang tahun kewangan dalam membantu mengesahkan ketepatan Penyata Kewangan. Terdapat dua aspek pengauditan interim iaitu pengauditan sistem dan pengauditan transaksi.

ii. Pengauditan Muktamad

Pengauditan ini dijalankan selepas Penyata Kewangan diterima untuk pengauditan daripada Pejabat Perakaunan. Di peringkat ini, penyemakan, pengesahan dan analisis terhadap baki akhir tahun pelbagai butiran di Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam akan dibuat untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan dari segi kesempurnaan, ketepatan dan kesahihannya. Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005, telah diterima daripada Jabatan Akauntan Negara pada 8 Mac 2006. Pengauditan telah selesai dijalankan dan Sijil Bersih telah dikeluarkan pada 9 Jun 2006.

Laporan Ketua Audit Negara 2005

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2005 telah dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 29 Jun 2006. Laporan ini telah dibentang di Parlimen pada 1 September 2006.



Pencapaian Pengauditan

Pada tahun 2006, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah dapat melaksanakan tugas-tugas pengauditan yang dirancang seperti berikut :

Pelaksanaan Pengauditan Tahun 2006

Bil	Cawangan Audit	Prestasi	Pengurusan Kewangan	Akaun Amanah	Program Anak Angkat	Pengurusan Kewangan Untuk Pengesahan JUSA	Penampilan Audit
1	Kewangan	1	2	17	1	-	3
2	Pelbagai Kementerian/ Jabatan I	4	3	68	1	-	4
3	Keselamatan & Hal Ehwal Dalam Negeri	3	2	13	1	-	15
4	Kesihatan Dan Pembangunan Masyarakat	2	3	37	1	-	-
5	Pertahanan	3	2	3	1	-	3
6	Pengurusan & Syarikat	3	-	-	-	41	-
7	Wilayah Persekutuan	3	3	8	-	-	2
8	Pendidikan	2	2	73	1	-	-
9	Kastam Dan Pengangkutan	2	3	5	1	-	2
10	Kerja Raya	1	3	5	1	-	1
11	Pelbagai Kementerian/ Jabatan II	2	3	43	1	-	-
12	Cukai Pendapatan	2	3	-	-	-	-
13	Pertanian Dan Industri Asas Tani	2	10	7	1	-	11
Jumlah		30	39	279	10	41	41





Pengauditan Prestasi Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2006

Bil	Cawangan Audit	Tajuk Kajian
1.	Kewangan	i. Pengurusan Tunggakan Hasil Kerajaan Persekutuan.
2.	Pelbagai Kementerian/ Jabatan I	i. Pengurusan Pembinaan Kompleks Pejabat, Studio Dan Auditorium RTM Seremban. ii. Pengurusan Projek Pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara. iii. Pengurusan Hartanah Di Pejabat Perwakilan Luar Negeri, Kementerian Luar Negeri. iv. Proses Pewujudan Dan Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam.
3.	Keselamatan Dan Hal Ehwal Dalam Negeri	i. Pengurusan Aktiviti Pengeluaran Dan Penguatkuasaan PLKS (Pas Lawatan Kerja Sementara). ii. Pengurusan Aktiviti Trafik Polis Diraja Malaysia. iii. Pengurusan Perolehan Secara Rundingan Terus – Helikopter Mi-171 Untuk Unit Udara PDRM (2 buah).
4.	Kesihatan Dan Pembangunan Masyarakat	i. Pengurusan Perkhidmatan Ambulan Di Hospital/Klinik Kerajaan. ii. Pengurusan Bantuan Kewangan Kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO'S).
5.	Pertahanan	i. Pengurusan Pakaian Kombat Dan Peralatan Tempur Di Kor Infantri Tentera Darat. ii. Pengurusan Perolehan Patrol Vessel (PV) oleh Kementerian Pertahanan. iii. Tahap Boleh Guna Radar Dan Penyenggaraannya Di Pangkalan TUDM Dan Pusat Pertahanan Udara TUDM.
6.	Pengurusan Dan Syarikat	i. Pengurusan Indah Water Konsortium. ii. Institut Jantung Negara. iii. Multimedia Development Corporation.
7.	Wilayah Persekutuan	i. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (<i>Universal Services Provision</i>). ii. Pengurusan Pengindahan Bandar Labuan. iii. Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Syarikat Alam Flora Di Kuala Lumpur dan Putrajaya.
8.	Pendidikan	i. Program Peluasan Prasekolah. ii. Pengurusan Aktiviti Kolej Komuniti.
9.	Kastam Dan Pengangkutan	i. Pengurusan Kutipan Hasil Melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK) ii. Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan JPJ.
10.	Kerja Raya	i. Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang.
11.	Pelbagai Kementerian/ Jabatan II	i. Pengurusan Tabung Modal Pusingan, Jabatan Pembangunan Usahawan Dan Koperasi. ii. <i>Stormwater Management And Road Tunnel (SMART)</i> .
12.	Cukai Pendapatan	i. Pengurusan Penyaluran Maklumat Pembayar Cukai Oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. ii. Pengurusan Audit Luar Syarikat Oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.
13.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	i. Pengurusan Pemberian Subsidi Baja Padi, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. ii. Pengurusan Pemberian Subsidi Harga Padi, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Penyelarasan Aktiviti Pengauditan Di Antara Cawangan Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam

Pada tahun 2006, Ketua Audit Negara telah mengambil langkah untuk menyelaraskan aktiviti pengauditan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Audit di Cawangan Audit Negara dan Unit Audit Dalam di Kementerian/Jabatan. Perbincangan diatur dengan semua pegawai di Cawangan Audit bersama dengan Unit Audit Dalam di Kementerian/Jabatan berkenaan. Semasa perbincangan ini kedua-dua pihak membentangkan aktiviti pengauditan yang telah/sedang/akan dijalankan, skop pengauditan, isu-isu yang berbangkit dan mengenalpasti masalah/keperluan di setiap pejabat cawangan berkenaan. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk menyelaraskan aktiviti pengauditan di sesuatu Kementerian/Jabatan supaya tidak berlaku pertindihan tugas dan isu yang berbangkit di samping dapat memberi tumpuan kepada aktiviti yang relevan.

Pengauditan Di Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri

- Pada tahun 2006, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah diluluskan untuk melaksanakan pengauditan pengurusan hartanah dan pengauditan pengurusan kewangan di Kementerian Luar Negeri termasuk beberapa pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri.
- Pengauditan pengurusan hartanah dijalankan bertujuan untuk menentukan sama ada hartanah Kementerian Luar Negeri khususnya di pejabat perwakilan luar negeri telah dirancang dan diurus dengan berhemat serta teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini meliputi hartanah di pejabat perwakilan luar negeri yang telah diperolehi sama ada melalui pembinaan dan pembelian hartanah (termasuk unit strata) dari tempoh tahun 1957 hingga tahun 2006. Aspek pengauditan ini melibatkan 5 aktiviti utama iaitu perolehan hartanah; pendaftaran hak milik hartanah (penyimpanan surat hak milik asal hartanah); penyenggaraan; penggunaan dan keselamatan hartanah. Di samping itu pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri terhadap kawalan pengurusan; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan wang amanah dan deposit; pengurusan aset dan inventori serta pengesahan wang di tangan.
- Pada permulaannya, kedua-dua pengauditan ini telah dijalankan di Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri khususnya di Bahagian Pembangunan Dan Hartanah serta Bahagian Kewangan. Ini disusuli dengan pengauditan di 9 pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri di London (United Kingdom); Paris (Perancis); Brussels (Belgium); The Hague (Belanda); Beijing dan Hong Kong (China); Jakarta (Indonesia); Singapura serta Stockholm (Sweden). Pengauditan ini dilaksanakan oleh 4 kumpulan terdiri daripada 9 orang pegawai pelbagai gred.
- Seorang daripada pegawai yang menjalankan pengauditan tersebut, Pn. Ang Nai Har bersama pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) dan Jabatan Akauntan Negara telah menghadiri mesyuarat yang diadakan dengan *Crown Agents Financial Services Limited*, United Kingdom dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia, London untuk membincangkan isu berkaitan dengan bayaran pencen kepada pesara-pesara di United Kingdom.






Pelaksanaan *Government Financial and Management Accounting System (GFMAS)* – Pengemaskinian Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2000

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menggunakan sistem *Branch Accounting System* atau BAS selama 18 tahun semenjak tahun 1987. Pada tahun 2001 Kerajaan telah meluluskan permohonan JANM untuk menggantikan sistem ini. Kajian semula sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan telah dimulakan pada bulan Mei 2003. Hasil dari kajian tersebut telah merumuskan satu cadangan untuk melaksanakan satu sistem baru yang akan dapat membantu Kerajaan menukar operasi perakaunan berasaskan tunai yang diamalkan ketika ini kepada operasi perakaunan akruan. *Government Financial and Management Accounting System (GFMAS)* ialah sistem baru yang dilaksanakan di JANM bagi meningkatkan keberkesanan dalam menguruskan sistem perakaunan Kerajaan. Projek pembangunan aplikasi GFMAS telah dilancarkan pada 11 Januari 2005.

Sistem ini akan menggantikan beberapa aplikasi sedia ada di ibu pejabat serta yang sedang digunakan di pejabat cawangan. Bagaimanapun sistem GFMAS akan berintegrasi dengan e-SPKB dan e-Perolehan. Sistem ini telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua pejabat cawangan Jabatan Akauntan Negara.

Sehubungan dengan perubahan sistem perakaunan ini Jabatan Audit Negara perlu mempunyai pengetahuan yang sewajarnya supaya tugas pengauditan tidak tergendala. Jabatan Audit Negara juga perlu mengubah cara dan metodologi pengauditan terutamanya membuat pindaan sewajarnya terhadap prosedur pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan yang telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000. Untuk tujuan itu Sektor Audit Persekutuan telah mengambil langkah berikut:-

- Mendapatkan kerjasama JANM untuk memberi taklimat kepada pegawai Jabatan Audit Negara terutama di Sektor Audit Kerajaan Persekutuan.
- Mendapatkan kerjasama JANM untuk membekalkan komputer, peralatan dan keperluan lain kepada pegawai Audit yang menjalankan pengauditan di pejabat JANM supaya mereka boleh akses kepada sistem dan maklumat yang diperlukan untuk pengauditan. Pegawai daripada Cawangan Khidmat Nasihat Audit ICT turut memberi bantuan untuk menyediakan talian hubungkait PC audit dengan server GFMAS JANM.
- Mendapatkan kerjasama JANM dan vendor untuk memberi latihan terperinci kepada semua pegawai Audit yang terlibat.
- Mengadakan sesi *brainstorming* bagi mengemaskinian dokumen Kualiti MS ISO 9001:2000 pada 19 - 22 September 2006 dan 2 Oktober 2006 bertempat di Akademi Audit Negara, di Cawangan Audit Kewangan dan juga di ibu pejabat Jabatan Audit Negara di Putrajaya. Sesi ini bukan sahaja dihadiri oleh pegawai yang akan terlibat secara lansung dengan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, tetapi turut dihadiri oleh pegawai daripada Cawangan Khidmat Nasihat Audit ICT.



sektor audit kerajaan negeri

PENGENALAN

Sektor Audit Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sama ada wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan wang awam dan aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pengauditan ini dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam serta aktiviti di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.




Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan dijalankan terhadap penyata kewangan bagi tujuan memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod kewangan kerajaan yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Laporan Ketua Audit Negara mengenai 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan supaya dibentangkan di Parlimen. Laporan tersebut telah dibentangkan pada 5 September 2006. Di samping itu, Laporan bagi 13 negeri juga telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri seperti berikut:

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri

Bil.	Negeri	Tahun Laporan	Tarikh Pembentangan
1.	Johor	2004	27.2.2006
2.	Pahang	2004	17.4.2006
3.	Perlis	2005	20.9.2006
4.	Melaka	2005	16.10.2006
5.	Kelantan	2005	8.11.2006
6.	Perak	2005	20.11.2006
7.	Selangor	2005	27.11.2006
8.	Pulau Pinang	2005	27.11.2006
9.	Sabah	2005	27.11.2006
10.	Sarawak	2004	28.11.2006
11.	Terengganu	2005	4.12.2006
12.	Negeri Sembilan	2005	4.12.2006
13.	Kedah	2005	31.12.2006



Pencapaian Pengauditan

Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan

Sebanyak 288 Penyata Kewangan agensi negeri telah disahkan sehingga 31 Disember 2006. Butiran lanjut seperti berikut:

Pengesahan Penyata Kewangan Agensi

Agensi	Bil. Penyata Kewangan Yang Telah Disahkan
Badan Berkanun Negeri	144
Pihak Berkuasa Tempatan	129
Majlis Agama Islam	15
Jumlah	288

Pengauditan Pengurusan Kewangan, Prestasi, Syarikat Subsidiari, Anak Angkat, Penampilan Audit Dan Pengurusan Agensi

Sektor Audit Kerajaan Negeri telah melaksanakan Rancangan Audit Tahun 2006 dengan jayanya. Pada tahun 2006, Sektor ini telah menjalankan pengauditan seperti berikut:

Pelaksanaan Pengauditan Tahun 2006

Bil.	Negeri	Pengurusan Kewangan	Prestasi	Syarikat Subsidiari	Anak Angkat	Penampilan Audit	Pengurusan Agensi
1.	Johor	7	4	1	4	60	-
2.	Kedah	6	4	1	4	67	1
3.	Kelantan	6	4	2	4	27	-
4.	Melaka	3	2	1	2	12	-
5.	N.Sembilan	6	3	1	2	40	-
6.	Pahang	6	4	1	4	32	-
7.	Perak	7	4	3	4	92	-
8.	Perlis	4	2	1	4	7	-
9.	Pulau Pinang	7	4	1	2	17	-
10.	Sabah	13	8	2	6	86	-
11.	Sarawak	15	7	1	7	38	-
12.	Selangor	6	4	1	4	32	-
13.	Terengganu	6	4	2	4	66	2
Jumlah		92	54	18	51	576	3

Pelaksanaan MS ISO 9001:2000 Di Sektor Audit Kerajaan Negeri

Sektor Audit Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 bagi pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri serta Majlis Agama Islam dan Institusi Agama Islam yang Lain. Beberapa bengkel dan taklimat telah diadakan bagi menyediakan dokumen kualiti dan memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai Audit Cawangan Negeri. Bermula pada 17 Julai 2006 pengauditan telah dilaksanakan oleh 13 Cawangan Audit Negeri meliputi pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri serta Majlis Agama Islam dan Institusi Agama Islam yang lain berpandukan kepada dokumen kualiti yang disediakan.



Garis Panduan Sektor Audit Kerajaan Negeri

Fungsi utama Sektor Audit Kerajaan Negeri adalah menjalankan pengauditan dalam pelbagai disiplin. Bagi memantapkan dan meningkatkan kualiti pengauditan, penyediaan garis panduan yang lengkap dan sempurna amat diperlukan. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2006 Sektor Audit Kerajaan Negeri telah mengadakan *Brainstorming* untuk menyediakan dan mengeluarkan garis panduan berikut untuk diguna pakai oleh Sektor Audit Kerajaan Negeri:

- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.
- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Institut Agama Islam Yang Lain.
- Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri.
- Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Jabatan Perhutanan.

Program Anak Angkat

Dalam tahun 2006, sebanyak 51 Jabatan/Agensi diperingkat negeri telah diterima untuk dimasukkan di bawah program Anak Angkat. Sehingga akhir tahun 2006 sebanyak 68 Jabatan/Agensi yang menyertai Program Anak Angkat bagi tahun 2004 - 2006 telah dianugerahkan sijil Anak Angkat seperti berikut:

Bilangan Penerima Sijil Program Anak Angkat

Cawangan Audit Negeri	Bilangan Jabatan/Agensi
Sabah	12
Sarawak	19
Selangor	6
Perak	5
Pahang	3
Johor	3
Terengganu	4
Kelantan	5
Negeri Sembilan	4
Melaka	1
Pulau Pinang	1
Kedah	4
Perlis	1
Jumlah	68



Pengauditan Prestasi

Sektor Audit Kerajaan Negeri telah menjalankan 54 pengauditan prestasi sepanjang tahun 2006 yang meliputi 13 Cawangan Audit Negeri. Tajuk pengauditan adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Tajuk Pengauditan Prestasi	Agensi
1.	Johor	Pengurusan Pengambilan Balik Tanah Dan Penggunaannya	Pejabat Tanah Muar Dan Kota Tinggi
2.		Kajian Terhadap Program Pembangunan Industri Makanan Di Negeri Johor	Pejabat Pertanian Negeri Johor
3.		Pengurusan Pinjaman Pelajaran	Yayasan Pelajaran Johor
4.		Kemudahan Riadah Dan Taman	Majlis Perbandaran Batu Pahat
5.	Kedah	Pengeluaran Dan Pengambilan Bahan Batuan	Pejabat Tanah Pendang Dan Langkawi
6.		Pengurusan Pembangunan Kemudahan Sukan	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
7.		Pengurusan Hartanah Baitulmal	Majlis Agama Islam Negeri Kedah
8.		Pengurusan Cukai Taksiran	Majlis Perbandaran Kulim
9.	Perak	Pengurusan Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah	Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping
10.		Pengurusan Program Latihan Sukan Majlis Sukan Negeri Perak	Majlis Sukan Negeri Perak
11.		Pengurusan Tunggakan Hasil PBT	Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Bandar Raya Ipoh Dan Majlis Daerah Lenggong
12.		Pengurusan Hutan Lipur	Jabatan Perhutanan Negeri
13.	Sabah	Pengurusan Tukar Syarat Guna Tanah	Jabatan Tanah Dan Ukur
14.		Pengurusan Pinjaman	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah
15.		Projek Pembangunan Kemudahan Awam Dan Infrastruktur	Majlis Daerah Kota Belud
16.		Pengurusan Projek Ternakan Kerbau Di Telupid, Sandakan	Jabatan Perkhidmatan Haiwan
17.		Pembinaan Dan Pengurusan Rumah Penyembelihan Haiwan	Jabatan Perkhidmatan Haiwan
18.		Pengurusan Kereta Api Negeri Sabah	Jabatan Kereta Api Sabah
19.		Penswastaaan Pungutan Sampah	Majlis Daerah Lahad Datu
20.		Pengeluaran Dan Penguatkuasaan Terhadap Penggunaan Tanda Halal	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah




Bil	Negeri	Tajuk Pengauditan Prestasi	Agensi
21.	Pahang	Pengurusan Pinjaman Pendidikan	Yayasan Pahang
22.		Pengurusan Cukai Taksiran	Majlis Daerah Maran
23.		Pengurusan Skim Bantuan Am	Jabatan Kebajikan Masyarakat
24.		Program Pembangunan Industri Buah-Buahan	Jabatan Pertanian Negeri Pahang
25.	Sarawak	Program Pembangunan Ekonomi Wanita	Jabatan Pertanian Negeri Sarawak
26.		Pengurusan Pembangunan Sukan Negeri Sarawak	Majlis Sukan Negeri Sarawak
27.		Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya
28.		Pengurusan Skim Bantuan Kewangan dan Kebajikan Warga Tua Di Rumah Seri Kenangan	Jabatan Kebajikan Masyarakat
29.		Pengurusan Waf/Jeti dan Terminal	Lembaga Sungai-sungai Sarawak
30.		Penswastaaan Pungutan Sampah	Majlis Bandaraya Kuching Selatan
31.		Projek Pengairan dan Saliran Sarawak	Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
33.	Selangor	Pengurusan Koleksi Dan Kemudahan Perpustakaan	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor
34.		Projek Pembinaan Jalan Dari Sekincan Ke Ulu Bernam	Jabatan Kerja Raya
35.		Projek Pembinaan Dan Pengurusan Infrastruktur Pelancongan dan Marine Park	Majlis Daerah Sabak Bernam
36.		Penswastaaan Pembangunan Penempatan Kawasan Orang Asli	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
37.	Terengganu	Pengurusan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA)	Yayasan Islam Terengganu
38.		Pengurusan Pemberian Imbuhan Kepada Imam Masjid Dan Bilal Masjid Mukim	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu
39.		Pengurusan Saliran	Jabatan Pengairan Dan Saliran
40.		Pengurusan Pelesenan	Majlis Daerah Hulu Terengganu
41.	Pulau Pinang	Program Projek Skim Penggemuk Anak Lembu	Jabatan Veterinar
42.		Pengurusan Penjaja Pasar Awam Dan Kompleks Makanan	Majlis Perbandaran Seberang Prai
43.		Projek Pembinaan Masjid	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
44.		Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri	Pejabat SUK

Bil.	Negeri	Tajuk Pengauditan Prestasi	Agensi
45.	Perlis	Pengurusan Cukai Taksiran	Majlis Perbandaran Kangar
46.		Pengurusan Bekalan Air Negeri Perlis	Jabatan Kerja Raya
47.	Kelantan	Program Pembinaan Dan Pembaikan Masjid	Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan
48.		Pengurusan Projek Ladang Hutan	Jabatan Perhutanan Negeri
49.		Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	Perbadanan Perpustakaan Kelantan
50.		Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Pasir Pekan	Majlis Daerah Tumpat
51.	Melaka	Projek Pembangunan dan Pengurusan Melaka Sentral	Pejabat Perbendaharaan Negeri
52.		Pengurusan Bangunan	Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
53.	Negeri Sembilan	Pengurusan Pengeluaran Lesen Mengambil Hasil Hutan	Jabatan Pertanian Negeri
54.		Penswastaan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal	Majlis Perbandaran Nilai
54.		Pengurusan Sekolah Agama Islam Kerajaan Negeri Sembilan	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam







sektor audit badan berkanun persekutuan

PENGENALAN

Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan bertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, pengauditan pengurusan agensi dan syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan dan pengauditan prestasi.

Sehingga bulan Disember tahun 2006 sebanyak 121 Badan Berkanun Persekutuan dan Kumpulan Wang perlu diaudit. Ini termasuklah 8 agensi baru yang ditubuhkan pada tahun 2006 iaitu:

- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
- Kumpulan Wang Persaraan (KWP)
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
- Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)
- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
- Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPN)
- Lembaga Pelabuhan Melaka (LPM)
- Lembaga Kemajuan Bandar (LKB)



Pencapaian Pengauditan

Laporan Ketua Audit Negara Badan Berkanun Persekutuan tahun 2005 telah dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 29 Jun 2006. Laporan ini telah dibentangkan di Parlimen pada 1 September 2006.

Selain itu, Sektor ini juga telah mendapat pengiktirafan Sijil MS ISO 9001:2000 pada 23 Februari 2006 bagi pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan. Sektor ini juga telah melaksanakan penambahbaikan terhadap dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 pada 30 Oktober 2006.



Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2006 adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Pengauditan	Jumlah
1.	Penyata Kewangan	114
2.	Pengurusan Agensi	22
3.	Pengurusan Syarikat Subsidiari	15
4.	Prestasi	20
5.	Penampilan Audit	39

Pada tahun 2006 sebanyak 22 pengauditan pengurusan agensi telah dilaksanakan yang meliputi aspek seperti pengurusan agensi secara menyeluruh, keberkesanan Jawatankuasa yang ditubuhkan, Unit Audit Dalam, sistem dan prosedur yang diwujudkan dan dilaksanakan, analisis kewangan serta pengurusan kewangan. Seterusnya Sektor ini juga berjaya menjalankan pengauditan pengurusan terhadap 15 syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan bagi menentukan pengurusan syarikat subsidiari tersebut diuruskan dengan teratur, mematuhi peraturan

yang ditetapkan selaras dengan objektif penubuhan syarikat subsidiari tersebut.

Selain itu, Sektor ini telah melaksanakan sebanyak 39 penampilan Audit di Badan Berkanun Persekutuan termasuk cawangan di dalam dan di luar negara. Antara penampilan Audit yang dilaksanakan di luar negara adalah seperti berikut:

- Cawangan Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) di London.
- Cawangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di Dubai.
- Cawangan Perbadanan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TDC) di Stockholm, Sweden.




Sebanyak 20 pengauditan prestasi terhadap program atau aktiviti yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan telah dilaksanakan pada tahun 2006 seperti berikut:

Pengauditan Prestasi Tahun 2006

Bil	Tajuk Pengauditan Prestasi	Agensi
1.	Pengurusan Projek Pembangunan Padi	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
2.	Pengurusan Aktiviti Penggalakan Pelaburan	Perbadanan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
3.	Pengurusan Perolehan Hartanah	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
4.	Pengurusan Projek Penyelidikan Dan Pembangunan	Lembaga Koko Malaysia (LKM)
5.	Pengurusan Hartanah,	Pertubuhan Sosial Pekerja (PERKESO)
6.	Pengurusan Penyelidikan	Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI)
7.	Pengurusan Penempatan Nelayan Perusahaan Ikan Bilis	Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA)
8.	Pengurusan Projek Felda Jaya	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
9.	Pembinaan <i>Crush Cushion</i> Di Lebuhraya Seliaan	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
10.	Pengurusan Haji	Lembaga Tabung Haji (LTH)
11.	Pengurusan Paten	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
12.	Projek <i>Port Klang Free Zone</i>	Lembaga Pelabuhan Klang (LPK)
13.	Pengurusan Perolehan	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
14.	Pengurusan Pinjaman Pelajar	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
15.	Kawalan Dan Keselamatan Aset	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
16.	Pengurusan Ladang Pertanian	Universiti Pertanian Malaysia (UPM)
17.	Pengurusan Latihan Perindustrian	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
18.	Pengurusan Kompleks Perikanan	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
19.	Sistem Pengurusan Maklumat Farmasi	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).
20.	Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer	Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)





peranan ke arah meningkatkan
akauntabiliti sektor awam



Sebagai sumbangan ke arah memantapkan akauntabiliti Sektor Awam, Ketua Audit Negara dan pegawai Jabatan Audit Negara dijemput dari semasa ke semasa untuk memberi ceramah dan membentangkan kertas kerja di seminar/bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta. Pada tahun 2006 beberapa Kertas Kerja telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara dan pegawai Jabatan.

Ceramah Dan Kertas Kerja Yang Dibentangkan Oleh Ketua Audit Negara

Tarikh	Tajuk/Anjuran
5 April 2006	Akauntabiliti Dan Masalah Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri di Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Se Malaysia.
22 Mei 2006	<i>Procurement Issues Of Local Government In Malaysia</i> anjuran Institut Integriti Malaysia.
12 Jun 2006	Pemerhatian Jabatan Audit Negara Terhadap Penyediaan Dan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
22 Jun 2006	Peranan Pegawai Pengawal Meningkatkan Akauntabiliti anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
6 Julai 2006	Peranan Ketua Jabatan Dalam Memantapkan Pengurusan Kewangan Kerajaan anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kemaman, Terengganu.
10 Julai 2006	Pendekatan Baru Pengauditan Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Universiti Utara Malaysia.
6 Oktober 2006	Taklimat Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Jabatan dan Agensi Negeri Bagi Tahun 2005 anjuran Kementerian Kewangan.
20 Oktober 2006	Taklimat Isu Berbangkit daripada Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2005 kepada Majlis Kewangan Negara.

Ceramah Dan Kertas Kerja Yang Dibentangkan Oleh Pegawai Jabatan

Tarikh	Tajuk/Anjuran
Kelantan	
2 Mac 2006	Pengurusan Kewangan Pejabat anjuran Perbendaharaan Negeri Kelantan
20 Jun 2006	Pengurusan Harta Modal dan Inventori anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
11 - 14 September 2006	Perbelanjaan dan Pembayaran Bagi Kumpulan Sokongan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
21 Disember 2006	Pengurusan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja Serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Terkini anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan


Tarikh	Tajuk/Anjuran
Selangor	
27 Jun 2006	Akauntabiliti Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
30 Ogos 2006	Pengurusan Fail Meja & Manual Prosedur Kerja anjuran Jabatan Pengairan & Saliran Kuala Selangor
22 November 2006	Akauntabiliti Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
12 Disember 2006	Kawalan Perbelanjaan – Pengurusan Perolehan anjuran Institut Perakaunan Negara
13 Disember 2006	Kawalan Akaun Deposit dan Amanah anjuran Institut Perakaunan Negara
13 Disember 2006	Pelaporan anjuran Institut Perakaunan Negara
Kedah	
10 Ogos 2006	Teguran Audit Negara Berkaitan Pengurusan Kewangan (Akauntabiliti) anjuran Kementerian Pertahanan
14 Ogos 2006	Pengurusan Kewangan Awam Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah
6 - 7 September 2006	Bengkel Pengurusan Kewangan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah
6 November 2006	Teguran Audit Berkaitan dengan Pengurusan Hasil dan Terimaan anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
7 November 2006	Isu dan Masalah Pengurusan Aset Awam anjuran Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Utara, Sungai Petani
Terengganu	
5 Ogos 2006	Pemerhatian Audit Di atas Tatacara Perolehan anjuran Pejabat SUK, Terengganu (Bhg. Kerajaan Tempatan)
19 - 21 September 2006	Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu
10 Oktober 2006	Penyeragaman Laporan Audit anjuran Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur



Tarikh	Tajuk/anjuran
Sarawak	
26 Januari 2006	Isu dan Masalah Pengurusan Kewangan anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Sarawak
10 Februari 2006	Isu dan Masalah Dalam Pengurusan Aset dan Stor anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Sarawak
28 Mac 2006	Isu Audit Berkaitan Stor anjuran Jabatan Tanah & Survey Sarawak
6 April 2006	Isu dan Masalah Perolehan dan Pengurusan Stor anjuran Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan Kementerian Kewangan, Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan Jabatan Pelajaran Sarawak
13 Julai 2006	Isu-isu Audit Berkaitan Pengurusan Kewangan anjuran Jabatan Tanah & Survey Sarawak
13 September 2006	Isu-isu Audit Berkaitan Pengurusan Kewangan anjuran Jabatan Tanah & Survey Sarawak
15 November 2006	Kursus Pengurusan Kewangan anjuran Jabatan Ketua Menteri
23 November 2006	Isu dan Masalah Perolehan Pengurusan Kewangan anjuran Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan Kementerian Kewangan, Perbendaharaan Malaysia Sarawak dan Jabatan Pelajaran Sarawak
24 November 2006	Isu dan Masalah Dalam Pengurusan Kewangan anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Sarawak
7 Disember 2006	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan anjuran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri
19-21 Disember 2006	Kursus Pelaporan Audit Berkualiti anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Sabah	
23 Januari 2006	Kelemahan Pengurusan Kewangan anjuran Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3-6 Julai 2006	Pengurusan Kewangan Jabatan dan Kelemahan Audit Yang Ditemui anjuran Maktab Pengurusan Keningau
3 Julai 2006	Sistem Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah
12 Julai 2006	Kelemahan Pengurusan Kewangan di Jabatan Kerajaan anjuran Badan Pencegah Rasuah Caw. Sabah
10 Ogos 2006	Teguran Audit Berkaitan Dengan Pengurusan Kewangan anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah
17 Ogos 2006	Pemeriksaan Audit 2005/2006 anjuran Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
22 Ogos 2006	<i>Financial Management of Local Government in Sabah</i> anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Sabah dan UiTM Sabah

Tarikh	Tajuk/Anjuran
21 September 2006	Teguran Audit Berkualiti Dengan Pengurusan Perolehan dan Aset anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah
14 November 2006	Pengurusan Stor dan Aset anjuran INTAN dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
11 Disember 2006	Pengurusan Aset Kerajaan anjuran INTAN Sabah
Perak	
27 Februari 2006	Perlanggaran dan Tidak Kepatuhan Yang Sering Ditemui Dalam Urusan Kewangan Dan Pentadbiran anjuran Badan Pencegah Rasuah Perak
15 April 2006	Pengurusan Hasil Dan Penyata Penyesuaian Bank anjuran Lembaga Air Perak
29 Mei - 1 Jun 2006	Pengurusan Kewangan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2 September 2006	Teguran Audit Berkaitan Dengan Pengurusan Aset Dan Stor anjuran Jabatan Agama Islam Perak
11 - 13 September 2006	Kursus Pengurusan Kewangan anjuran Pejabat Tanah Dan Galian, Ipoh
20 Oktober 2006	Pengurusan Wang Amanah Dan Deposit Pengurusan Aset Dan Inventori anjuran Agensi Anti Dadah Kebangsaan Perak
22 November 2006	Teguran Audit Berkenaan Pengurusan Perolehan Dan Aset Kerajaan anjuran Pejabat Kesihatan Hilir Perak
7 Disember 2006	Pemantapan Pengurusan Kewangan anjuran Jabatan Penjara Malaysia – Penjara Taiping
11 - 13 Disember 2006	Teknik Pengauditan Berkesan anjuran Bahagian Audit Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
Melaka	
26 April 2006	Penulisan Laporan Audit anjuran Kementerian Pertahanan
25 Mei 2006	Pengurusan Kewangan anjuran Perbendaharaan Negeri
13 Julai 2006	Pemanduan Berhemah anjuran Kerajaan Negeri
18 - 19 Julai 2006	Pengurusan Akaun Amanah anjuran Kerajaan Negeri dan Perbendaharaan Negeri
31 Julai 2006	Pengurusan Akaun Amanah anjuran <i>Institute Management Malacca (IMM)</i>
13 September 2006	Pemandu Bestari anjuran Kerajaan Negeri





penglibatan di peringkat antarabangsa



Jabatan Audit Negara terlibat secara aktif sebagai peserta, tenaga pengajar dan *Subject Matter Expert* (SME) dalam persidangan, seminar, mesyuarat, kursus dan bengkel di luar negara pada setiap tahun. Penglibatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai Jabatan mengenai pengauditan sektor awam di *Supreme Audit Institutions* (SAI) luar negara dan secara tidak langsung memperkenalkan Jabatan melalui perkongsian pengalaman antara SAI yang terlibat. Penglibatan pegawai Jabatan sepanjang tahun 2006 adalah seperti berikut:



24 April - 5 Mei 2006

Singapore-Commonwealth Third Country Training Programme: Better Governance - Managing Corruption Anjuran Sekretariat Komanwel, di Singapura

Encik Zaaba bin Zainuddin, Timbalan Pengarah Audit (Badan Berkanun Persekutuan) telah menghadiri seminar anjuran Sekretariat Komanwel. Isu yang dibincangkan adalah tertumpu kepada sistem perkhidmatan awam dan rangka kerja anti rasuah dan cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan inisiatif anti rasuah.



3 - 14 Julai 2006

Regional Workshop: Performance Audit in Commonwealth SAIs di Lahore, Pakistan

Cik Baridatul Anita binti Bidin, Juruaudit Cawangan Audit Negeri Perak, telah dipilih untuk menghadiri kursus Pengauditan Prestasi yang bertujuan memberi pengetahuan dan berkongsi idea berkenaan pengauditan prestasi di Negara Komanwel.

18 - 19 Mei 2006

Performance Measurement For Government and Statutory Boards Conference 2006 Anjuran *The Asia Business Forum*, di Singapura

Persidangan ini dihadiri oleh Encik Hairul Nizam bin Yusoff, Juruaudit (Bahagian Penyelidikan), selaku Setiausaha kepada Jawatankuasa *Key Performance Index* (KPI) Jabatan. Objektif persidangan adalah untuk membincangkan pendekatan yang terkini, strategi bagi mencapai standard prestasi yang optima dan memberi pulangan yang diinginkan termasuklah keberkesanan kepimpinan dan strategi pertukaran pengurusan, pengambilan, pembangunan KPI serta keberkesanan pemantauan prestasi sistem pengukuran melalui beberapa kaedah seperti *Balanced Scorecard* dan *Six Sigma*.



3 - 21 Ogos 2006

ASOSAI Workshop on Procurement Audit di Jakarta, Indonesia

Cik Hauriah binti Panjang Ahmad, Juruaudit dari Akademi Audit Negara, telah terlibat sebagai tenaga pengajar ASOSAI pada bengkel ini, manakala Cik Hajjah Suria binti Su'ut, Juruaudit Cawangan Audit Negeri Sarawak telah menghadiri sebagai peserta. Objektif bengkel berkenaan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengauditan bagi membolehkan dilaksanakan dalam kerja Pengauditan Perolehan.



11 dan 12 September 2006

Reference Panel Expert Meeting on Financial Auditing Guidelines under Professional Standard Committee for a Review of International Standards of Auditing (ISA) 550 on Related Parties, di Stockholm, Sweden

Dihadiri oleh Pn. Zainon binti Taib, Timbalan Pengarah, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Beliau mewakili Jabatan dalam Panel Pakar Rujukan *International Organisation of Supreme Audit Institution (INTOSAI)* sebagai Pakar. Tujuan mesyuarat adalah untuk menyemak semula *International Standard of Auditing (ISA) 550* berkaitan *Related Parties* untuk pembangunan Garis Panduan Pengauditan Kewangan

14 dan 15 September 2006

Reference Panel Back Office Expert Meeting on Financial Auditing Guidelines under Professional Standards Committee for a Review of International Standards of Auditing (ISA) 500 on Audit Evidence di Stockholm, Sweden

Dihadiri oleh Pn. Patimah binti Ramuji, Ketua Juruaudit, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan mewakili Jabatan dalam Panel Pakar Rujukan INTOSAI sebagai Penolong Pakar. Mesyuarat berkenaan bertujuan untuk menyemak semula ISA 500 berkaitan *Audit Evidence*.



9 - 15 September 2006

10th ASOSAI Assembly and 3rd Symposium di Shanghai, China

Delegasi terdiri daripada empat pegawai yang diketuai oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia. Ahli delegasi lain adalah Encik Mustafa bin Saman, Pengarah Sektor Pengurusan Korporat, Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Encik Md. Tahib bin Hj. Radzuan, Pengarah Audit Negeri Johor. Persidangan ini diadakan setiap tiga tahun sekali. ASOSAI (*Asian Organisation of Supreme Audit Institutions*) merupakan sebuah badan bebas yang telah ditubuhkan pada tahun 1979 dan dianggotai oleh 43 Institusi Audit Utama (*Supreme Audit Institution*) bagi negara di rantau Asia. Aktiviti utama yang berlangsung pada persidangan tersebut adalah:

- Pemilihan Ahli Lembaga Pentadbiran ASOSAI untuk tempoh 2006 hingga 2009
- Mesyuarat Lembaga Pentadbir ASOSAI ke 36 dan 37
- Mesyuarat Jawatankuasa Latihan ASOSAI
- Simposium ASOSAI ke 3

Pada pemilihan Lembaga Pentadbir ASOSAI, Malaysia telah dipilih untuk penggal kedua sebagai anggota Lembaga Pengelola ASOSAI untuk tempoh 2006 hingga 2009. Lembaga Pentadbir ASOSAI dianggotai oleh sembilan buah negara. Pada simposium ke 3 ASOSAI yang berlangsung pada 13 September 2006, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara telah membentangkan satu kertas negara bertajuk "*The Role of the National Audit Department of Malaysia in Promoting Government Accountability*".

Semasa perhimpunan tersebut, beberapa buah negara anggota telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Ketua Audit Negara Malaysia. Antara lain mereka memohon agar Jabatan Audit Negara Malaysia membantu memberi latihan kepada juruaudit mereka dalam bidang Pengauditan Prestasi dan ICT kerana mengiktiraf kemajuan serta pengalaman Malaysia di bidang pengauditan sektor awam.



12 - 22 November 2006

ASOSAI Workshop on Challenges to New Audit Frontiers - How to Develop and Manage Human Resources for Dealing with Emerging Audit Issues anjuran **Japan International Co-operation Agency (JICA) di Tokyo, Jepun**

Jabatan Audit Negara telah menghantar 2 pegawai iaitu Encik Mustafa bin Hj. Saman, Pengarah Sektor Pengurusan Korporat dan Encik Abdul Rahman bin Johor, Ketua Pegawai Pentadbir (Sumber Manusia) bertujuan untuk memupuk hubungan jalinan kerjasama dari segi perkongsian maklumat di antara ahli ASOSAI. Hasil daripada bengkel yang diadakan diharap akan dapat memantapkan lagi pengurusan sumber manusia di Jabatan Audit Negara Malaysia.



26 November hingga 9 Disember 2006

Instructional and Design Meeting for Financial Audit dan Fraud Awareness Workshops Cambodia

Cik Alifah Aida bt Lope Abdul Rahman, Juruaudit Sektor Kerajaan Persekutuan telah dipilih oleh INTOSAI Development Initiative (IDI) ke *Instructional and Design Meeting for Financial Audit dan Fraud Awareness Workshops* di Cambodia pada 26 November hingga 9 Disember 2006. Tujuan IDI menganjurkan bengkel ini adalah untuk membantu negara-negara anggota SAI dari segi pembangunan sumber manusia melalui latihan dan perkongsian maklumat

27 hingga 30 Julai 2006

Lawatan Kerja ke Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia

Y. Bhg. Dato' Hjh. Azizah binti Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan Puan Yusnani binti Zakaria, Ketua Cawangan Audit (Persekutuan) telah mengadakan lawatan rasmi ke Republik Indonesia. Semasa lawatan tersebut, mereka telah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi dan anggota Badan Pemeriksa Keuangan (BPK) mengenai pelaksanaan pengauditan prestasi dan juga pengauditan alam sekitar. Mereka telah juga mewakili Jabatan di Majlis Penganugerahan Bintang Kehormat oleh kerabat Diraja Pagaruyung Sumatera Barat kepada Pengerusi BPK di Sumatera Barat.



17 - 20 Disember 2006

Lawatan ke National Audit Authority (NAA) of Cambodia, Phnom Penh, Cambodia

Dua orang pegawai Audit telah melakukan lawatan rasmi ke National Audit Authority of Cambodia (NAA) pada 17 hingga 20 Disember 2006. Mereka ialah Encik Abd. Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara dan Encik Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah, Akademi Audit Negara. Tujuan kunjungan berkenaan adalah untuk memenuhi undangan Auditor-General NAA of Cambodia yang berminat untuk menjalin kerjasama erat khususnya dalam bidang latihan dan berkongsi maklumat serta pengalaman dalam bidang pengauditan. Semasa lawatan tersebut taklimat dan perbincangan telah diadakan bersama-sama pegawai dan kakitangan NAA. Hasil daripada perbincangan berkenaan, NAA berhasrat untuk meminta Akademi Audit Negara menganjurkan latihan bagi kakitangan NAA pada tahun 2007 dalam bidang pengauditan prestasi, projek pembinaan, hasil dan juga ICT.


Lawatan Dan Kunjungan Hormat Delegasi Dari Negara Luar

Jabatan Audit Negara sentiasa dikunjungi delegasi negara luar yang bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai amalan-amalan terbaik pengauditan sektor awam. Lawatan ini juga mengeratkan hubungan kedua-dua pihak. Sebanyak 7 delegasi daripada negara Indonesia, Nigeria, Cambodia, China, South Africa, Yemen dan Bangladesh telah mengadakan lawatan ke Jabatan Audit Negara sepanjang tahun 2006.

Di samping itu, Jabatan juga menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Austria, Timbalan Ketua Audit Negara, Australia dan ahli Jawatankuasa Audit Negara Brunei. Delegasi Brunei telah sempat melawat Akademi Audit Negara dan satu taklimat ringkas mengenai operasi Akademi telah diberikan oleh Pengarah Akademi.







laporan khas

- Sambutan Perayaan 100 Tahun
- Simposium Pengurusan Alam Sekitar
- Hari Audit Se Malaysia



Sambutan Perayaan 100 Tahun

Konvensyen Audit Kebangsaan

Konvensyen Audit Kebangsaan adalah salah satu aktiviti sempena Sambutan Ulang Tahun ke 100 Institusi Audit Negara yang telah diadakan pada 14 Februari 2006 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Majlis Perasmian konvensyen ini telah disempurnakan oleh Y.B. Tan Sri Ramli b. Ngah Talib, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Konvensyen ini telah dihadiri oleh 696 peserta dari pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi, Syarikat Kerajaan, Firma Audit Swasta, Badan Profesional dan delegasi dari negara luar.

Konvensyen ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk bertukar pendapat dan pandangan serta membincangkan isu semasa dan cabaran dalam profesion pengauditan yang berkaitan dengan akauntabiliti dan urus tadbir yang baik. Justeru itu tema yang dipilih untuk konvensyen ini adalah *Accountability & Good Governance: Auditors – Where Are You?* adalah amat relevan. Juruaudit memainkan peranan yang penting dalam memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan terutama dalam persekitaran masa kini yang sentiasa berubah.

Majlis Makan Malam Perdana Audit

Majlis Makan Malam Perdana Audit adalah merupakan aktiviti kemuncak bagi Sambutan Ulang Tahun ke 100 Institusi Audit Negara yang telah diadakan pada 14 Februari 2006 di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Majlis ini telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta 600 para jemputan yang terdiri daripada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi, Duta, penceramah jemputan/delegasi dari Australia, Indonesia dan Afrika Selatan, mantan pegawai Audit dan pegawai serta kakitangan Jabatan Audit Negara.

Pelancaran Buku 100 Tahun Institusi Audit Negara dan Setem Kenangan 100 Tahun 1906 – 2006 adalah acara kemuncak yang telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Para jemputan telah dihiburkan dengan persembahan tarian kebudayaan oleh kakitangan Jabatan Audit Negara dan artis jemputan.




Berdasarkan tema ini, dua tajuk telah dipilih untuk dibentangkan oleh tokoh terkemuka iaitu:

- i. *Accountability and Good Governance: Auditor's Roles – Public Expectations*
- ii. *Ethical Issues in Auditing Practice*

Tajuk mengenai isu dan cabaran akauntabiliti dan urus tadbir dari perspektif negara membangun dan sedang membangun telah dibincang oleh ahli yang terdiri daripada En. Patrick Joseph Barret, mantan Ketua Audit Negara Australia dan En. Shauket A. Fakie, Ketua Audit Negara Afrika Selatan.

Selain dari itu, pameran mini bertemakan 'Institusi Audit Negara Dahulu, Kini dan Masa Depan' dan kaunter untuk penjualan *First Day Cover* sempena memperingati 100 tahun Institusi Audit Negara telah diadakan di ruang legar.



Simposium Pengurusan Alam Sekitar

Simposium Pengurusan Alam Sekitar telah diadakan pada 4 Disember 2006 bertempat di Akademi Audit Negara. Simposium ini telah dirasmikan oleh Y. B. Dato' S. Sothinathan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Memandangkan Pengauditan Alam Sekitar merupakan satu bidang yang baru, maka simposium ini memberi peluang kepada semua pihak yang terlibat dengan pengurusan alam sekitar berbincang dan mengenal pasti peranan masing-masing ke arah memastikan urus tadbir alam sekitar yang baik.



Sebahagian besar peserta yang menghadiri simposium ini adalah terdiri daripada pegawai yang berkhidmat di Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan alam sekitar. Selain daripada itu, simposium ini telah dihadiri oleh seramai 400 peserta dari Kementerian/Jabatan yang berkaitan dengan alam sekitar, Badan Profesional, Firma Audit Swasta, NGO dan pegawai Jabatan Audit Negara.

Tema bagi simposium ini adalah “Peranan Juruaudit Ke Arah Memantapkan Pengurusan Alam Sekitar” yang memfokuskan kepada isu dan cabaran dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan alam sekitar, peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melindungi Alam sekitar dan pengalaman yang dipelajari daripada projek INTOSAI Working Group on Environmental Audit (WGEA).

Tiga kertas kerja seperti berikut telah dibentangkan oleh tokoh terkemuka yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan atau pengauditan alam sekitar:

- Penguatkuasaan Undang-undang/Peraturan Alam Sekitar – Isu dan Cabaran
 - Y.Bhg.Dato' Hajah Rosnani bt. Ibarahim, Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar
- Peranan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Melindungi Alam Sekitar
 - Y.Bhg. Dato' Hj. Anwar b. Hj. Abd. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Environmental Audit – Lessons Learned form INTOSAI WGEA Projects
 - Ms Kimberley Leach, Director, Office of the Auditor-General of Canada

Simposium satu hari ini diakhiri dengan sesi perbincangan panel yang membincangkan isu dan cabaran dalam pengauditan alam sekitar. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Ketua Audit Negara dan dijayakan oleh 3 penceramah jemputan. Maklum balas yang diterima hasil dari perbincangan ini akan dapat membantu Jabatan Audit Negara dalam merancang dan melaksanakan pengauditan yang menjurus kepada pengurusan alam sekitar dengan lebih berkesan.



Hari Audit Se Malaysia 2006


Sambutan Hari Audit Se Malaysia pada kali ini telah diadakan pada 5 Disember 2006 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor. Ianya merupakan kesinambungan kepada perayaan Ulang Tahun ke 100 Institusi Audit Negara yang diadakan pada penghujung tahun lalu. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo, Menteri Besar Selangor. Majlis ini telah dihadiri oleh 700 jemputan yang terdiri daripada Speaker Dewan Undangan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Selangor, Firma Audit Swasta, Badan Profesional, mantan Pengarah Audit Negeri Selangor dan pegawai serta kakitangan Jabatan Audit Negara.

Tema sambutan pada tahun ini adalah 'Peranan Juruaudit Ke Arah Menjayakan RMK-9'. Tema ini dipilih memandangkan tahun 2006 merupakan tahun pertama RMK-9 dilaksanakan dan bagi mengingatkan juruaudit betapa pentingnya mereka menjalankan tugas dengan cekap dan berkualiti bagi memastikan setiap program/aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan berhemah serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.



Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat dan Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih. Pemilihan sekolah untuk menerima sumbangan buku adalah dibuat berdasarkan kepada sosioekonomi dan pencapaian sekolah tersebut. Di samping itu, aktiviti seperti pameran yang bertema 'Institusi Audit Negara Dahulu, Kini Dan Masa Depan' dan kaunter bertemu pelanggan masih diteruskan sebagaimana Sambutan Hari Audit Se Malaysia yang lalu.





peristiwa jabatan



14 Februari

Konvensyen Audit Se Malaysia dan Majlis Makan Malam Perdana sempena Sambutan 100 Tahun Institusi Audit Negara.



21 Februari

Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Audit Negara di Hotel Equatorial, Bangi.



16 Mac

Lawatan kerja Ketua Audit Negara ke pejabat LKPP – Goldkist Sdn. Bhd di Kuantan, Pahang



8 Jun

Majlis penyampaian Sijil MS ISO 9001:2000 Jabatan Audit Negara oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Yaacob bin Hussin, Ketua Pengarah MAMPU



14 Jun

Upacara mengadap DYMM Sultan Kedah oleh Ketua Audit Negara.

20 Jun

Upacara mengadap DYMM Sultan Terengganu oleh Ketua Audit Negara



20 Jun

Majlis Makan Malam Ketua Audit Negara bersama Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Kelantan



21 - 22 Jun

Kumpulan Dinamik dari Jabatan Audit Negara Cawangan Audit Negeri Sembilan menjadi Johan untuk kategori Pengurusan, Konvensyen KMK Peringkat Negeri Sembilan 2006.



27 Jun

Upacara mengadap DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan oleh Ketua Audit Negara



30 Jun

Upacara mengadap TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang oleh Ketua Audit Negara.





4 Julai

Upacara mengadap TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah oleh Ketua Audit Negara.



20 Julai

Upacara mengadap DYTM Pemangku Raja Perlis oleh Ketua Audit Negara.



26 Julai

Pelancaran Buletin Audit Bilangan 1 edisi Januari-Jun 2006 di Bilik Mesyuarat Ketua Audit Negara.



26 Julai

Upacara mengadap DYMM Sultan Selangor oleh Ketua Audit Negara.



27 Julai

Upacara mengadap DYMM Sultan Pahang oleh Ketua Audit Negara.

1 Ogos

Upacara mengadap TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak oleh Ketua Audit Negara.



17 Ogos

Upacara mengadap DYMM Sultan Kelantan oleh Ketua Audit Negara.



6 September

Upacara mengadap DYMM Sultan Perak oleh Ketua Audit Negara.



8 September

Upacara mengadap TYT Yang Dipertua Negeri Melaka oleh Ketua Audit Negara.



9 – 11 September

Jabatan Audit Negara memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA) 2006 dan menyertai pameran semasa Majlis Penyampaian dan Pameran AIPA yang berlangsung di Wisma Darul Iman, Terengganu.





9 November

Majlis Hari Kualiti 2006 dan Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang serta Perkhidmatan 25 Tahun di Auditorium Ahmad Noordin, Akademi Audit Negara.



9 November

Majlis Penamaan Auditorium Ahmad Noordin sebagai mengenang jasa Allahyarham Tan Sri Ahmad Noordin bin Zakaria semasa bertugas sebagai Ketua Audit Negara.



10 November

Perjumpaan Ketua Audit Negara dengan Firma Audit Swasta di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor yang bertemakan "Juruaudit Berintegriti Menjamin Kredibiliti Audit".



4 Disember

Simposium Pengurusan Alam Sekitar telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' S. Sothinathan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, yang bertemakan "Peranan Juruaudit ke Arah Memantapkan Pengurusan Alam Sekitar" di Akademi Audit Negara.



5 Disember

Hari Audit Se Malaysia telah dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir b. Toyo, Menteri Besar Selangor bertemakan "Peranan Juruaudit Ke Arah Menjayakan RMK9" di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor.



aktiviti agama, sosial, sukan & kebajikan



Januari 2006

10 Januari

Majlis Qurban anjuran Cawangan Audit Negeri Sabah bersama penduduk Kg. Sembulan, Sabah.



12 Januari

Majlis Qurban anjuran Cawangan Audit Negeri Sarawak di Masjid Darul Ittihaad, Kuching



12 Januari

Majlis Qurban anjuran Jabatan di Bangunan Persekutuan bersama Cawangan Audit Negeri Perak di perkarangan Bangunan Persekutuan, Ipoh.



19 Januari

Perlawanan persahabatan Futsal Kelab Audit Wilayah Persekutuan (KAWIP) dan Jabatan Perkhidmatan Awam.



Februari 2006

7 Februari

KAWIP menyertai Kejohanan Sukan 3 Penjuru Blok 2G4, Presint 2, Putrajaya antara Jabatan Audit Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.





21 Februari

Malam “Budi Disemai Jasa Dikenang” Sempena Persaraan Y. Bhg. Tan Sri Dr. Hadenan bin A. Jalil di Hotel Equatorial, Bangi.

22 Februari

Perlawanan persahabatan badminton antara KAWIP dengan penduduk Desa Pinggiran Putra di Dewan Orang Ramai, Kampung Limau Manis, Selangor.



25 Februari

Warga Audit Cawangan Audit Negeri Perlis menyertai Program Memasak Bubur Asyura di Perkarangan Bangunan Wisma Persekutuan, Kangar, Perlis.



25 Februari

Ahli KAWIP mengambil bahagian dalam acara Mountain Bike Relay antara Jabatan Kerajaan sempena Cyclefest Putrajaya 2006 di Dataran Putrajaya.

Mac 2006



3 Mac

Kelab Rekreasi Audit Sarawak (KERAS) *Appreciation Nite* 2006.



6 Mac

Mesyuarat Agong Tahunan KERAS.



12 Mac

Warga Audit Cawangan Negeri Melaka menyertai aktiviti jogging bersama Ketua Menteri Melaka.



24 Mac

Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2005 Bagi Anak-Anak Warga Cawangan Audit Negeri Pahang.



29 Mac

Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Negeri Sembilan (KESANS).



29 Mac

Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Negeri Perlis (KESAPs).

April 2006

14 April

Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Sukan Audit Negeri Johor ke 21.



16 April

Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Cawangan Audit Negeri Kelantan.





16 April
Mesyuarat Agong Tahunan Kelab Audit Negeri Terengganu (KESKAT).



23 April
Pertandingan Sosial Soccer 9 Aside anjuran KAWIP di Padang INSPEN, Bangi.

Mei 2006



3 Mei
Sumbangan 5 unit komputer terpakai kepada Sekolah Agama Rakyat Al Hidayah oleh Cawangan Audit Negeri Sabah.



3 Mei
Pertandingan Futsal anjuran Kelab Rekreasi Audit Sarawak (KERAS).



5 Mei
Majlis sambutan Maulidur Rasul dan ceramah Agama oleh Timbalan Mufti Negeri Johor anjuran Cawangan Audit Negeri Johor.



12-13 Mei

Hari Keluarga Cawangan Audit Negeri Kedah di Hutan Lipur Bukit Hijau dan Pusat Rekreasi Air Panas, Ulu Legong, Baling.

16 – 17 Mei

Kejohanan Sukan Dalaman Cawangan Audit Negeri Selangor anjuran Kelab Rekreasi dan Kreatif Audit Negeri Selangor.



23 Mei

Pertandingan Bola Tampar (Volleyball Carnivest) anjuran KAWIP di Institut Latihan BSN, Bangi.



Jun 2006

28 Jun

Mesyuarat Agong Tahunan KAWIP.



Julai 2006

1 Julai

Kejohanan Badminton KAWIP Tahun 2006 di Auditorium Ahmad Noordin, Akademi Audit Negara.





8 Julai

Pertandingan bowling anjuran Kelab Sukan Audit Johor di Pelangi Leisure Mall.



19 Julai

Majlis penyerahan sumbangan kenderaan Jabatan jenis Mitshubishi Pajero kepada Pusat Dalam Komuniti, Bayan Lepas oleh Cawangan Audit Negeri Pulau Pinang.



29 Julai

Warga Audit Cawangan Negeri Terengganu menyertai Kempen Kebersihan dan Gotong-royong Negeri Terengganu anjuran Pejabat Pembangunan Negeri.

Ogos 2006



8 Ogos

Kejohanan Sukan Tertutup anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Sabah (KESKAS).



11 – 12 Ogos

Hari Keluarga Cawangan Audit Negeri Pulau Pinang di Titi Hayun, Yan, Kedah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pulau Pinang (KESKAP).



25 Ogos

Majlis bacaan Yasin sempena peperiksaan UPSR, PMR, SPM, STPM dan PTK serta ceramah sempena Israk Mikraj di Cawangan Audit Negeri Sembilan.



25 – 31 Ogos

KESAPs menyertai Gerai Bazar Merdeka anjuran Pejabat Baidunita Negeri Perlis.



28 – 31 Ogos

Pasukan Futsal KAWIP menyertai Kejohanan Futsal MAKSWIP 2006 di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.

29 Ogos

Jamuan Makan dan Cabutan Bertuah Kelab Rekreasi dan Kreatif Audit Selangor.



September 2006

1 September

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di Cawangan Audit Negeri Johor





15 September

Penyerahan kutipan Tabung Bencana Lubnan kepada Kumpulan New Straits Times Press oleh wakil Kelab Sukan Audit Negeri Johor.



21 – 23 September

Pasukan Lawn Bowls Cawangan Audit Negeri Kedah menyertai Kejohanan Lawn Bowls MAKSAM (KEDAH) 2006 anjuran Majlis Sukan Negeri.

Oktober 2006



7 Oktober

Majlis Khatam Al Quran dan Berbuka Puasa Cawangan Audit Negeri Johor.



9 Oktober

Sumbangan Derma Ikhlas kepada Rumah Anak Yatim Puteri Harapan Taman Sabariah sempena Bulan Ramadhan oleh Warga Cawangan Audit Negeri Kelantan.



12 Oktober

Majlis Berbuka Puasa Cawangan Audit Negeri Pahang.



16 Oktober

Majlis Khatam Al Quran dan Berbuka Puasa Warga Audit Ibu Pejabat Putrajaya bersama Ketua Audit Negara.



19 Oktober

Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil, Ceramah Ramadhan dan Berbuka Puasa Cawangan Audit Negeri Kelantan.



19 – 20 Oktober

Aktiviti Lawatan dan Penyampaian sumbangan kepada keluarga fakir miskin Daerah Bayan Lepas, Balik Pulau, Georgetown dan Seberang Perai anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Audit Pulau Pinang (KESKAP).



November 2006

1 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Audit Negeri Perlis.



9 November

Majlis Jamuan Hari Raya dan Deepavali di Akademi Audit Negara yang dihadiri oleh warga Audit yang bertugas di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor serta Negeri Sembilan.





13 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Audit Negeri Johor.



14 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Audit Negeri Kelantan.



14 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Audit Negeri Selangor.



15 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Negeri Pulau Pinang.



18 November

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Cawangan Audit Negeri Pahang.



PUSPANITA

17 Februari

Majlis “Sekalung Kasih Permata Hati” Sempena Persaraan Y. Bhg. Puan Sri Faridah binti Abd. Hamid Pengerusi PUSPANITA Jabatan Audit Negara di Dewan Serbaguna, No. 15 Persiaran Perdana, Putrajaya.



20 Februari

Lawatan sambil belajar PUSPANITA Jabatan Audit Negara ke Kilang Yeo's di Shah Alam.



17 Mac

Lawatan ahli PUSPANITA Jabatan Audit Negara Cawangan Audit Negeri Perak ke Galeri Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar



15 April

Lawatan muhibbah dan kebajikan ke Long Pasia, Pensiangan oleh PUSPANITA Cawangan Audit Negeri Sabah



25 Mei

Mesyuarat Terhimpun PUSPANITA Jabatan Audit Negara Ibu Pejabat di Dewan Serbaguna Blok 2G4, Putrajaya.



26 Julai

Lawatan PUSPANITA Jabatan Audit Negara Cawangan Audit Negeri Kelantan ke Projek Pertanian D'raja Jajahan Kota Bharu.



23 Ogos

Lawatan amal PUSPANITA Cawangan Audit Negeri Kelantan bersama PUSPANITA Jajahan Kota Bharu ke 23 buah rumah orang miskin di sekitar Jajahan Kota Bharu.



26 Ogos

Program Gotong-Royong di Sekolah Kebangsaan Jawi-Jawi, Kota Belud, Sabah anjuran bersama PUSPANITA Cawangan Audit Negeri Sabah, Persatuan Ibu Bapa Dan Guru dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung Jawi-Jawi.

1 Disember

Majlis tahlil dan doa selamat sempena meraikan pegawai Audit yang akan menunaikan ibadah haji anjuran PUSPANITA Jabatan Audit Negara Ibu Pejabat dan Surau Jabatan Audit Negara di Putrajaya.



Sidang Redaksi

Penasihat

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara

Y. Bhg. Dato' Azizah bt. Hj. Arshad

Tuan Hj. Anwari bin Suri

Pengarang

Encik Mustafa bin Hj. Saman
(Ketua Pengarang)

Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan

Encik Abdul Wahab bin Ahmad

Puan Noraini bt. Abd. Wahab

Encik Azmin bin Husin

Encik Y. Hamdan bin Mohd Dom

Encik Muhammad Iskandar bin Mokhtar

Dr. Masiah bt. Ahmad

Encik Mohd Fisul bin Ismail

Cik Badariah bt. Abas

Encik Khairul Anuar bin Amat Johari

Encik Sabaruddin bin A. Kadir Wahab

Puan Naimah bt. Abdul Rashid

Puan Zaini bt. Madon

Puan Zainab bt. Mohd Noor

Puan Norizah bt. Ab. Ghani

Grafik

Encik Muhamad Syafiq bin Pauzee

Encik Md. Yazit bin Hashim

JABATAN AUDIT NEGARA

No. 15, Aras 1 - 5,
Persiaran Perdana, Presint 2,
62518 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 03-8889 9000 Fax : 03-8888 9703



www.audit.gov.my